2012

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

67 Mengukuhkan Struktur Pasaran

68 *Rencana: Bank Asing dalam Ekonomi Sedang Pesat Membangun: Perspektif Malaysia*

74 Memastikan Pengantaraan Dana yang Cekap dan Berkesan

76 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh

78 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif

80 *Rencana: Perbankan Ejen: Memajukan Lagi Agenda Rangkuman Kewangan Malaysia*

84 Memperkukuh Kesalinghubungan Kewangan Serantau dan Antarabangsa

87 Pengantarabangsaan Kewangan Islam: Mengembangkan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa

89 *Rencana: Rangka Kerja Pengawalseliaan Berasaskan Kontrak bagi Kewangan Islam*

93 Pembangunan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan

Pada tahun 2012, Bank terus melaksanakan inisiatif jangka sederhana hingga jangka lebih panjang untuk membangunkan dan mengukuhkan sektor kewangan dengan memudahkan dan menjadi pemangkin kepada peralihan Malaysia menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Seiring dengan penambahbaikan yang berterusan kepada rangka kerja pengawalan dan penyeliaan, tumpuan utama inisiatif pembangunan Bank adalah untuk menggalakkan keadaan yang kukuh bagi pengantaraan dana kepada bidang pertumbuhan baharu dan memantapkan kesalinghubungan dengan ekonomi serantau dan antarabangsa seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang baharu amat penting bagi usaha ini. Pertama, perundangan ini memberikan sokongan yang lebih baik kepada pengawalan dan penyeliaan dengan jangkaan bahawa sistem kewangan akan menjadi lebih canggih dan berkembang.

Tumpuan utama inisiatif pembangunan Bank adalah untuk menggalakkan keadaan yang kukuh bagi pengantaraan dana kepada bidang pertumbuhan baharu dan memantapkan kesalinghubungan dengan ekonomi serantau dan antarabangsa

Kedua, perundangan ini juga mengekalkan tumpuan yang jelas pada risiko dan amalan saksama terhadap pengguna, dan pada masa yang sama membenarkan pembezaan antara institusi kewangan. Ini seterusnya menyokong persaingan yang sihat dan inovasi yang produktif dalam sektor kewangan. Ketiga, apabila sektor kewangan menjadi lebih terbuka dan saling berhubung kait dengan sistem kewangan global dan serantau, perundangan ini memastikan aktiviti sektor kewangan akan terus menyumbang dan menyokong ekonomi Malaysia secara positif. Akhir sekali, perundangan ini meningkatkan kecekapan pengawalseliaan dengan mengurangkan kos pengawalseliaan yang tidak diperlukan, sambil memastikan bahawa perlindungan yang diperlukan untuk sistem kewangan yang mantap terus terpelihara.

MENGUKUHKAN STRUKTUR PASARAN

Aktiviti penggabungan dan pengambilalihan dalam sektor perbankan dan insurans terus dilaksanakan pada tahun 2012 apabila persekitaran yang lebih berdaya saing memberikan dorongan dan peluang kepada institusi kewangan untuk memperoleh skala dan keupayaan yang lebih besar. Ini menyebabkan beberapa penggabungan dalam sektor perbankan pelaburan, lantas mengukuhkan bank pelaburan terutamanya yang berada dalam kumpulan perbankan domestik, dengan jangkaan wujud peluang pertumbuhan khususnya dalam aktiviti pasaran modal dalam rantau ini. Jumlah bank pelaburan di Malaysia berkurang daripada 15 kepada 12 pada akhir tahun 2012, yang terdiri daripada lapan bank pelaburan bersandarkan bank dan empat bank pelaburan kendiri. Kumpulan perbankan domestik kekal dominan dalam sektor perbankan, dengan gabungan bahagian pasaran yang stabil daripada jumlah aset sistem perbankan (73.3%) dan deposit (73.8%), lalu memberikan sokongan berterusan kepada pembangunan sistem kewangan domestik dan rangkuman kewangan. Sektor perbankan Malaysia juga mempunyai penyertaan bank asing yang agak besar, yang telah menyumbang kepada pasaran yang lebih cekap dan berdaya saing, dan pada masa yang sama, meningkatkan keluasan dan kedalaman sektor kewangan. Pada tahun 2012, dua bank perdagangan asing yang baharu telah memulakan operasi di Malaysia, menjadikan bilangan bank perdagangan asing yang beroperasi di Malaysia meningkat kepada 19.

Bank Asing dalam Ekonomi Sedang Pesat Membangun: Perspektif Malaysia

Sejak dua dekad kebelakangan ini, sektor kewangan kebanyakan negara semakin bersifat antarabangsa, dipacu oleh kuasa integrasi ekonomi global, teknologi baharu dan peningkatan liberalisasi sektor kewangan. Trend ini lebih ketara dalam ekonomi sedang pesat membangun dengan penyertaan bank asing dalam sistem perbankan meningkat daripada 18% kepada 36% antara tahun 1995 dengan tahun 2009, berbanding dengan peningkatan daripada hanya 19% kepada 24% di negara OECD pada tempoh yang sama[1]. Bilangan bank daripada ekonomi sedang pesat membangun yang telah meluaskan operasi di luar sempadan domestik juga bertambah daripada 147 pada tahun 1995 kepada 279 pada tahun 2009[2]. Pengantarabangsaan kewangan telah membawa manfaat dengan membolehkan perdagangan dan pelaburan merentas sempadan yang lebih luas, memudahkan penggemblengan dana yang lebih cekap serta menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu.

Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai pandangan mengenai impak penyertaan bank asing dalam ekonomi sedang pesat membangun. Meskipun berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan dan pertumbuhan sektor kewangan menerusi peningkatan kecekapan, disiplin pasaran, akses kepada kredit di samping produk dan perkhidmatan yang lebih canggih, pilihan oleh beberapa bank asing untuk beroperasi hanya dalam segmen pelanggan bernilai tinggi dan berpulangan tinggi telah mengurangkan manfaat keseluruhan liberalisasi. Khususnya, segmen bernilai lebih rendah akan terkecuali daripada menikmati akses yang sama seperti segmen lain bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank asing tersebut. Persaingan yang berlebihan juga mungkin menggalakkan amalan tidak sihat dalam persaingan harga serta amalan pemberian pinjaman yang berisiko, lantas menjejaskan keutuhan bank dan meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Pendapat juga berbeza mengenai impak penyertaan bank asing terhadap kestabilan sistem kewangan domestik. Kajian mengenai krisis kewangan mendapati bahawa negara sedang pesat membangun yang mempunyai sistem insurans deposit yang kurang maju menunjukkan bukti bahawa pengelakan kepada kualiti (flight to quality) merentas sempadan adalah lebih rendah, dengan pendeposit memindahkan dana kepada bank milik asing yang mempunyai kehadiran tempatan, dan tidak menyalurkan dana ke luar negara. Walau bagaimanapun, ada juga pendapat yang menyatakan bahawa kehadiran bank asing memburukkan lagi kesan krisis kewangan domestik. Pemerhatian menunjukkan bahawa bank asing yang tidak mempunyai asas deposit yang kukuh dalam ekonomi tuan rumah cenderung untuk mengurangkan pemberian pinjaman lebih daripada bank tempatan apabila berlakunya tekanan, lantas memburukkan lagi impak krisis kewangan domestik.

Krisis Kewangan Global yang berlaku baru-baru ini juga mendedahkan sumber risiko baharu yang timbul daripada sistem kewangan yang lebih bersifat antarabangsa. Satu saluran transmisi risiko yang berpotensi untuk memberikan implikasi buruk kepada ekonomi tuan rumah ialah aktiviti menyahleveraj (mengurangkan hutang) oleh bank asing sebagai tindak balas kepada kerugian dan penguncupan aktiviti pemberian pinjaman yang dialami dalam ekonomi negara asal mereka. Peningkatan kesalinghubungan pasaran sedang pesat membangun dengan ekonomi global yang wujud daripada hubungan perdagangan dan kewangan telah mempercepat kelajuan dan skala penularan kejutan luaran, lantas menimbulkan cabaran yang besar kepada negara untuk mengurus dan mengurangkan risiko penularan merentas sempadan, terutama sekali dalam pasaran kewangan domestik yang kurang maju. Sehubungan itu, perkembangan ini telah mengukuhkan kepentingan untuk mempunyai akauntabiliti yang jelas dan mekanisme kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa pengawal selia negara asal dan negara tuan rumah untuk menyelia operasi bank asing, khususnya perkongsian maklumat, penyeliaan dan pengawasan, penyelesaian kegagalan keinstitusian dan perkongsian beban. Perkara ini akan menyumbang ke arah merapatkan perbezaan dalam pendekatan dan amalan pengawal selia di negara asal dan di

[1,2] Classens, K. dan van Horen, N. (2012) 'Foreign Banks: Trends, Impact and Financial Stability', Kertas Kerja IMF, Tabung Kewangan Antarabangsa.

negara tuan rumah, yang akan memudahkan pengurusan risiko penularan merentas sempadan yang lebih cepat dan berkesan.

Pertimbangan untuk Penyertaan Bank Asing: Perspektif Malaysia

Dengan mengambil kira semua pandangan ini, soalan utama yang memerlukan pertimbangan teliti oleh ekonomi sedang pesat membangun dalam pembentukan dasar penyertaan bank asing ialah sejauh mana manfaat bersih terakru kepada ekonomi tempatan. Dalam hal ini, objektif utama Bank adalah untuk meminimumkan risiko dan pada masa yang sama membolehkan manfaat yang maksimum diperoleh daripada liberalisasi sektor kewangan serta memastikan pertumbuhan sektor kewangan secara keseluruhannya setara dengan pertumbuhan ekonomi benar. Ini memerlukan pertimbangan terhadap kedua-dua objektif kestabilan dan pembangunan. Rencana ini seterusnya akan membincangkan pengalaman dan pertimbangan dasar Malaysia dalam meliberalisasi sektor kewangan. Pertimbangan ini diringkaskan di dalam Gambar Rajah 1.

Gambar Rajah 1

Bidang Dasar Utama dalam Meliberalisasi Sektor Kewangan di Malaysia



Sistem kewangan Malaysia telah lama menjadi tuan rumah kepada institusi perbankan milik asing, dan bank asing merupakan perintis dalam pembangunan sistem kewangan Malaysia sejak lebih daripada seratus tahun lalu. Bank tertua di Malaysia merupakan sebuah bank asing yang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan kewangan pedagang Eropah awal. Bank asing utama lain menyusul apabila prospek pertumbuhan perdagangan yang besar menarik minat yang tinggi untuk beroperasi di Malaysia. Sejak itu, bank asing telah menjadi peserta utama dengan sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia. Pada hari ini, bank asing mencakupi kira-kira 27% daripada bahagian pasaran aset sektor perbankan. Beberapa bank asing yang mempunyai kehadiran yang agak meluas di Malaysia juga memperakui potensi pertumbuhan dan kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi yang lain, dan telah meletakkan Malaysia sebagai pasaran utama rantau Asia-Pasifik.

Malaysia sentiasa mengamalkan pendekatan ke arah liberalisasi yang mengambil kira keupayaan dan ketersediaan sektor kewangan untuk memperoleh manfaat daripadanya, di samping menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan sektor kewangan yang teratur dalam persekitaran yang liberal. Penyertaan asing yang semakin meluas telah dilaksanakan secara berturutan dan terurus susulan pewujudan prasyarat yang diperlukan (Gambar Rajah 2), seperti yang dinyatakan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan 2001-2010. Teras utama pendekatan ini ialah kehadiran berterusan kumpulan perbankan domestik yang kukuh dan diurus dengan baik, serta jaringan keselamatan kewangan yang menyeluruh. Dalam hal ini, usaha untuk mengukuhkan daya tahan dan daya saing institusi kewangan

Gambar Rajah 2

Prasyarat untuk Meliberalisasi Sektor Kewangan di Malaysia



Jadual 1

Penunjuk Prestasi yang Meningkat oleh Bank Perdagangan Domestik

	2000		2010		2012	
	Domestik	Asing	Domestik	Asing	Domestik	Asing
Permodalan						
Nisbah Modal Wajaran Risiko (%)	11.7	14.0	14.2	14.6	15.0	16.1
Kualiti aset						
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (%)	9.2	5.7	2.6	1.2	1.5	1.2
Keberuntungan						
Pulangan atas Aset (%)	1.1	2.1	1.6	1.6	1.7	1.5
Pulangan atas Ekuiti (%)	13.3	26.4	16.7	19.6	17.4	17.7

Nota: Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan *Financial Reporting Standard* (FRS) 139. Penggunaan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

domestik telah mendorong kemunculan institusi perbankan hak milik Malaysia yang kukuh, dengan penunjuk prestasi yang meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun lalu (Jadual 1).

Hasrat utama daripada liberalisasi yang lebih besar ialah bahawa bank asing yang kukuh dan diurus dengan baik akan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sektor kewangan Malaysia secara teratur. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang baharu menghuraikan dengan lebih lanjut dan memberikan lebih ketelusan mengenai kriteria kemasukan pasaran dengan mengkanunkan kehendak utama terhadap keutuhan kehematan dan kualiti tawaran nilai yang dikemukakan oleh bakal peserta (Gambar Rajah 3). Pertimbangan ini lazim digunakan di kebanyakan negara yang mempunyai sistem kewangan yang liberal dan terbuka, termasuk negara maju.

Satu lagi keperluan utama untuk bank perdagangan asing, yang juga dikenakan kepada bank domestik, ialah bank perlu diperbadankan di Malaysia. Keperluan ini adalah untuk memberikan tahap perlindungan yang lebih tinggi kepada rakyat Malaysia menerusi komitmen modal tetap yang melindungi kemampanan dan kesinambungan operasi domestik, dan mempunyai lembaga pengarah yang dedikasi dan mempunyai akauntabiliti dan tugas fidusiari yang khusus kepada entiti tempatan.

Gambar Rajah 3

Pentaksiran dan Penilaian Lesen Baharu dan Pemegang Saham Penting



Kriteria kehematan:

- Perwatakan dan integriti pemohon atau reputasi untuk beroperasi dengan standard tadbir urus dan integriti yang baik;
- Kekukuhan dan daya maju rancangan perniagaan pemohon;
- Keadaan dan kecukupan sumber kewangan pemohon;
- Rekod perniagaan dan pengalaman pemohon;
- Ketelusan dan keupayaan untuk menyelia struktur kumpulan pemohon;
- Sama ada institusi akan dikendalikan oleh orang yang mempunyai kecekapan dan pengalaman yang sesuai; dan
- Sama ada perniagaan akan memudaratkan kepentingan orang ramai.

Kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia:

- Kesan pelaburan terhadap tahap dan keadaan aktiviti ekonomi di Malaysia;
- Sumbangan kepada peningkatan hubungan perdagangan dan pelaburan antarabangsa antara Malaysia dengan negara lain;
- Kesan pelaburan terhadap kestabilan sistem kewangan; dan
- Tahap dan kepentingan penyertaan rakyat Malaysia dalam sektor kewangan. Perkara ini termasuk kehadiran kumpulan perbankan domestik yang kukuh dan diurus dengan baik yang terus menggembleng lebih daripada 50% daripada deposit pemastautin.

Sepanjang Krisis Kewangan Global, operasi bank asing yang diperbadankan di Malaysia kekal berdaya tahan, dengan tahap permodalan yang tinggi, kualiti kredit yang mampan dan tahap keberuntungan yang positif.

Bank asing telah diberikan fleksibiliti operasi untuk meluaskan rangkaian mereka menerusi saluran elektronik, perbankan ejen dan penubuhan beberapa buah cawangan lagi. Fleksibiliti ini telah membolehkan bank asing memainkan peranan penting dalam proses pengantaraan kewangan dan menyumbang kepada pengendalian dan pertumbuhan ekonomi. Melangkah ke hadapan, sama seperti bank domestik, bank asing akan dibenarkan untuk menambahkan bilangan cawangan mereka dengan lebih bebas, sambil mengekalkan taburan lokasi cawangan yang seimbang oleh semua bank untuk menyokong keperluan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Fleksibiliti ini akan dilaksanakan dengan langkah-langkah untuk mencepatkan lagi pembangunan saluran penyampaian alternatif yang akan menggalakkan kemudahan dan kecekapan yang lebih tinggi dalam penyediaan perkhidmatan kewangan kepada pengguna.

Memandangkan penyertaan asing dalam sektor kewangan telah meningkat, tahap kerjasama merentas sempadan dalam pengawasan dan penyeliaan telah dipertingkat sejak beberapa tahun yang lalu. Malaysia bekerjasama secara proaktif dengan pihak berkuasa penyeliaan negara asal bagi memastikan tindakan awal boleh diambil untuk memelihara kestabilan kewangan sekiranya berlaku kejutan. Perkara ini merangkumi usaha membangunkan pengaturan untuk pertukaran maklumat dan kerjasama penyeliaan menerusi perjanjian persefahaman, serta penyertaan dalam forum penyeliaan (supervisory colleges) yang berkaitan dengan bank yang aktif pada peringkat antarabangsa. Usaha ini konsisten dengan prinsip umum yang dicadangkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board) mengenai kerjasama merentas sempadan dalam pengurusan krisis kewangan.

Kemajuan seterusnya juga dicapai dalam mengurangkan bilangan peserta industri yang bersaiz kecil dalam industri insurans am. Pada tahun 2012, enam lagi skim penggabungan dan pengambilalihan selesai dilaksanakan dan ini mengurangkan jumlah penanggung insurans komposit dan insurans am daripada 33 pada tahun 2008 kepada 23 pada akhir tahun 2012. 10 penanggung insurans am yang terkecil kini mencakupi 25.7% daripada jumlah premium kasar dalam industri insurans am berbanding hanya 13.6% pada tahun 2008, lantas meningkatkan daya maju dan daya saing institusi ini dengan ketara. Had penyertaan ekuiti asing dalam syarikat insurans yang telah diliberalisasikan kepada 70% sejak tahun 2009 juga telah meningkatkan prospek penanggung insurans untuk menjalinkan usaha sama yang memberikan nilai ditambah dengan institusi kewangan asing. Pada tahun 2012, kelulusan telah diberikan kepada enam institusi kewangan asing baharu untuk berunding bagi mengambil alih kepentingan ekuiti dalam syarikat insurans sedia ada. Penyertaan institusi kewangan asing yang mantap dan kukuh dalam pasaran insurans domestik akan menyumbang kepada peningkatan prestasi dan keupayaan penanggung insurans sedia ada menerusi pemindahan kepakaran dan penambahbaikan sumber kewangan.

Dalam sektor insurans hayat, hasil penting daripada pasaran yang lebih berdaya saing dengan perwakilan yang luas pelbagai institusi ialah pengenalan kepada rangkaian produk yang meluas supaya individu boleh merancang dengan lebih baik dan memperoleh jaminan kewangan untuk keperluan persaraan, pendidikan dan kesihatan mereka. Dengan kemajuan ekonomi dan perubahan dalam struktur demografi di Malaysia, penyelesaian kewangan untuk persaraan telah menjadi semakin penting bagi memenuhi permintaan penduduk yang memasuki usia persaraan. Oleh itu, sistem pencen yang mampan untuk persaraan adalah penting bagi menggalakkan taraf hidup yang mencukupi apabila bersara. Untuk memacu pertumbuhan perniagaan pencen, Kerajaan meluluskan pengecualian cukai sebanyak 8% atas pendapatan pelaburan dalam dana anuiti tertangguh untuk penanggung insurans hayat dan pengendali takaful. Hal ini melengkapi pelepasan cukai 10 tahun sedia ada sebanyak RM3,000 bagi caruman yang dibuat secara sukarela kepada anuiti insurans dan takaful. Secara kolektif, insentif cukai ini dijangka akan menjadikan premium insurans lebih rendah untuk manfaat pemegang polisi.

Dalam industri insurans am, fasa pertama rangka kerja perlindungan motor yang baharu telah dilaksanakan pada bulan Januari 2012 seperti yang dirancang. Pelaksanaan ini melibatkan *tranche* pelarasan pertama kepada tarif premium bagi mencerminkan risiko pengunderaitan dengan lebih baik. Meskipun kajian semula sebelum ini telah dilaksanakan pada tahun 1978, komitmen yang diberikan adalah pelarasan secara berperingkat-peringkat. Premium polisi pihak ketiga untuk kebanyakan motosikal dan kereta persendirian diselaraskan masing-masing sebanyak antara RM2 hingga RM4 dan RM6 hingga RM34 setahun lantas hanya memberikan kesan kewangan yang kecil kepada pengguna. Meskipun pelarasan ini masih jauh daripada paras penentuan harga yang mencukupi dan setimpal dengan kerugian yang dialami disebabkan oleh tuntutan kepada penanggung insurans untuk kecederaan anggota akibat kemalangan motor, kajian semula yang pertama ini merupakan langkah penting dalam peralihan ke arah rangka kerja penentuan harga yang berasaskan pasaran menjelang tahun 2016.

Fasa pertama rangka kerja perlindungan motor yang baharu dilaksanakan hanya memberikan kesan kewangan yang kecil kepada pengguna

Dari awal lagi, Bank menyatakan dengan jelas bahawa pelarasan premium sahaja tidak mencukupi untuk menangani cabaran besar yang dihadapi oleh industri insurans motor. Bagi mewujudkan keadaan yang diperlukan untuk penawaran perlindungan motor yang berterusan dalam jangka yang lebih panjang, rangka kerja perlindungan motor yang baharu ini memberikan penekanan yang sama kepada langkah-langkah yang bertujuan untuk menambah baik kecekapan proses penyelesaian tuntutan dan mengawal kos tuntutan. Hal ini memerlukan penyelarasan rapi dengan pelbagai agensi Kerajaan, industri insurans, pengamal undang-undang, serta persatuan pengguna dan pengangkutan yang telah dipermudah melalui jawatankuasa kerja bersama yang

dipengerusikan oleh Bank. Jawatankuasa ini telah memudahkan inisiatif yang berikut:

- Mengurangkan kadar faedah yang digunakan untuk keputusan penghakiman daripada 8% setahun kepada tidak lebih daripada 5% setahun;
- Menggalakkan penggunaan pengantaraan mahkamah yang lebih meluas untuk penyelesaian pertikaian;
- Mengukuhkan kerjasama antara hospital Kerajaan dengan penanggung insurans untuk meningkatkan kualiti dan kesahihan laporan perubatan yang diserahkan kepada penanggung insurans bagi tujuan tuntutan; dan
- Mempercepat pengeluaran laporan polis dan perubatan menerusi komitmen yang lebih telus kepada tempoh masa yang piawai.

Kesan awal inisiatif ini dapat dilihat melalui masa yang lebih singkat bagi penanggung insurans membayar tuntutan motor bagi kecederaan anggota, yang kini mengambil masa sehingga tiga bulan dari tarikh tuntutan difailkan dengan dokumentasi yang lengkap. Rancangan untuk menubuhkan pusat panggilan bebas tol 24-jam seluruh negara yang menyediakan bantuan serta-merta di tempat kemalangan kepada mangsa kemalangan jalan raya juga akan membantu pengguna, di samping mempercepat lagi penyelesaian tuntutan dan mengurangkan penipuan tuntutan apabila berlakunya kemalangan jalan raya. Pusat panggilan ini akan beroperasi pada separuh pertama tahun 2013.

Rancangan untuk mengkaji semula keperluan pengawalan yang terpakai pada struktur kos untuk perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga yang tertakluk di bawah Garis Panduan Kawalan Kos Operasi Perniagaan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (termasuklah perniagaan berkaitan pelaburan) diteruskan lagi pada tahun 2012. Garis Panduan ini mula-mula diperkenalkan sekitar tahun 1990-an dengan matlamat untuk memupuk disiplin kewangan yang lebih baik dalam kalangan penanggung insurans di samping menggalakkan tahap kecekapan yang lebih tinggi. Sejak beberapa tahun lalu, Garis Panduan ini telah memainkan peranan yang penting dalam mengawal kos operasi penanggung insurans dan memberikan nilai yang lebih baik kepada pemegang polisi. Nisbah belanja dalam industri insurans hayat (seperti yang diukur oleh jumlah perbelanjaan berbanding dengan pendapatan premium yang diperoleh) bertambah baik dengan ketara, daripada 44% pada tahun 1995 kepada 27.5% pada tahun 2011. Hal ini dicapai sambil memastikan struktur insentif untuk ejen, yang juga dikawal selia di bawah Garis Panduan ini, menyokong objektif untuk meningkatkan penembusan insurans di Malaysia dan menggalakkan pembangunan profesional para ejen. Sepanjang dekad yang lalu, kadar penembusan insurans (seperti yang diukur oleh nisbah jumlah polisi insurans hayat dan takaful keluarga kepada penduduk yang bekerja) telah meningkat daripada 40% pada tahun 2002 kepada 67% pada tahun 2012, manakala pendapatan tahunan purata ejen insurans sepenuh masa telah meningkat daripada RM65,000 kepada RM91,000. Bilangan ejen sepenuh masa juga telah meningkat sepadan dengan jumlah ejen, iaitu daripada 23% pada tahun 2002 kepada 39% pada tahun 2012.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih komprehensif kini disediakan untuk industri insurans, yang meliputi dasar yang telah diperkukuh dengan nyata bagi pengurusan kewangan yang mantap oleh penanggung insurans (seperti keperluan modal berasaskan risiko) dan perlindungan pemegang polisi (terutamanya keperluan khusus untuk memberikan nasihat yang sesuai kepada pengguna dan memastikan kehendak munasabah pemegang polisi terhadap polisi yang dijual kepada mereka dipenuhi). Pasaran insurans yang lebih berdaya saing juga telah berkembang dengan pilihan saluran pengagihan yang lebih luas termasuk bankasurans, dan penzahiran yang lebih baik untuk membantu pengguna memahami dengan lebih jelas produk dalam pasaran. Secara bersama, perkembangan ini membolehkan Bank mengkaji semula Garis Panduan dengan matlamat untuk membolehkan kuasa pasaran menjadi lebih berkesan bagi menggalakkan inovasi dan pembangunan lanjut saluran pengagihan alternatif dan pada masa yang sama menyediakan insentif yang lebih kukuh kepada kelompok agensi untuk meningkatkan kedudukan mereka supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pemegang polisi berikutan pengembangan keperluan kewangan rakyat Malaysia. Fasa pertama kajian semula ini dilaksanakan pada 1 Januari 2013, dan melibatkan semakan terhadap had yang sedia ada dalam skim manfaat agensi, dan kemudahan pembiayaan agensi untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja mahir yang terbaik. Hal ini diikuti oleh penilaian semula kawalan kos, termasuk struktur komisen agensi dan pembayaran perbelanjaan

yang berkaitan agensi, bersama-sama langkah untuk meminimumkan gangguan pasaran dan memelihara nilai perlindungan bagi pemegang polisi.

MEMASTIKAN PENGANTARAAN DANA YANG CEKAP DAN BERKESAN

Meskipun persekitaran ekonomi pada tahun 2012 lebih mencabar, aktiviti pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh sektor kewangan. Jumlah pembiayaan terkumpul sektor perbankan meningkat sebanyak 10.4% kepada RM1,108 bilion pada akhir tahun 2012, manakala nisbah kelulusan pemohonan pada tahun 2012 kekal stabil pada 50.9%.

Pembiayaan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat sebanyak 14.3% untuk mencakupi 40.5% atau RM189 bilion daripada jumlah pembiayaan perniagaan dengan kadar kelulusan kekal stabil melebihi 83%. Selain itu, PKS terus memperoleh manfaat daripada dana istimewa sedia ada di bawah Bank yang memberikan bantuan kewangan kepada PKS, iaitu Tabung untuk Makanan, Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i, Dana Industri Kecil dan Sederhana 2, Dana Usahawan Baru 2, serta Dana Perusahaan Mikro. Pada akhir tahun 2012, jumlah pembiayaan yang diluluskan di bawah dana-dana ini berjumlah RM22.6 bilion dan telah memberi manfaat kepada lebih daripada 54,000 PKS. Pada bulan April 2012, industri kewangan Islam memperkenalkan Skim Pembiayaan PKS berlandaskan Syariah baharu yang bernilai RM2 bilion dengan sokongan daripada Kerajaan. Di bawah Skim ini, Kerajaan menyediakan subsidi sebanyak 2% atas kadar keuntungan pembiayaan yang disediakan oleh institusi perbankan Islam kepada PKS untuk tempoh sehingga lima tahun. Dengan penyertaan 13 institusi perbankan Islam dalam Skim ini, PKS kini mempunyai akses yang lebih luas kepada pembiayaan alternatif yang berlandaskan Syariah. Pada akhir tahun 2012, pembiayaan berjumlah RM65 juta telah diluluskan di bawah Skim ini untuk PKS dalam pelbagai sektor ekonomi. Institusi kewangan terus mengekalkan tumpuan yang kukuh terhadap sektor PKS dalam aktiviti pembiayaan mereka dengan beberapa institusi kewangan terus meningkatkan sasaran pembiayaan untuk PKS secara beransur-ansur dan melaburkan sumber untuk meningkatkan keupayaan bagi terus mengembangkan portfolio pembiayaan PKS mereka. Selain itu, institusi kewangan telah menubuhkan unit PKS yang khusus untuk meluaskan jangkauan dan perkhidmatan kepada PKS. Penunjuk pinjaman untuk PKS juga menunjukkan peningkatan dalam nilai purata pembiayaan yang diluluskan untuk PKS daripada RM570,000 kepada RM600,000. Bersama-sama pelbagai usaha bina upaya untuk PKS yang dilaksanakan oleh SME Corporation Malaysia dan persatuan PKS, perkembangan ini terus meningkatkan dengan ketara prospek pembiayaan untuk PKS di Malaysia.

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor kewangan terus menggerakkan dana untuk menyokong keperluan pembiayaan perusahaan mikro, yang merangkumi lebih daripada 75% daripada perniagaan di Malaysia. Menerusi skim Pembiayaan Mikro yang dilancarkan pada tahun 2006, jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM870.3 juta dan telah disalurkan kepada lebih daripada 68,000 akaun kewangan mikro. Pada tahun 2012, industri kewangan telah memperkenalkan produk pembiayaan mikro yang lebih fleksibel yang memenuhi keperluan aliran tunai yang tidak menentu atau bermusim yang lazimnya dialami oleh perusahaan mikro dan sebelum ini telah menghalang perusahaan tersebut daripada layak menerima pembiayaan. Fleksibiliti ini membolehkan pengeluaran pembiayaan yang cepat apabila diperlukan, dengan had pinjaman yang lebih tinggi kepada peminjam yang menunjukkan amalan kredit yang bertanggungjawab.

Akses kepada pembiayaan untuk inisiatif teknologi hijau terus bertambah baik. Pada akhir tahun 2012, 78 syarikat berjaya memperoleh pembiayaan berjumlah RM1.1 bilion

daripada Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme) Kerajaan, peningkatan daripada RM0.6 bilion pada akhir tahun 2011. Jumlah dana sebanyak RM1.5 bilion ini akan ditingkatkan lagi dengan tambahan RM2 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk Skim ini dalam Bajet 2013. Ini akan dilengkapi oleh pelaksanaan program latihan khusus mengenai penilaian kredit untuk projek pembiayaan teknologi hijau oleh Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), dengan kerjasama Bank dan Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (Malaysian Green Technology Corporation) pada tahun 2013. Tumpuan yang lebih ketara terhadap latihan merupakan strategi penting untuk mengatasi kekurangan pengetahuan dan kepakaran yang berkaitan dalam institusi kewangan, untuk mengenal pasti, mengukur dan mengurus risiko yang berkaitan dengan projek teknologi hijau dengan tepat yang merupakan halangan utama kepada akses yang lebih luas kepada pembiayaan untuk inisiatif teknologi hijau. Peningkatan ketampakan dalam peluang pembiayaan teknologi hijau dalam kalangan institusi perbankan juga digalakkan lagi melalui Persidangan Pengurus Bank Mengenai Pembiayaan Teknologi Hijau yang dianjurkan bersama oleh Bank dan IBBM pada bulan Oktober 2012. Pada persidangan itu, institusi perbankan memberikan komitmen kepada beberapa langkah untuk terus meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi usaha niaga teknologi hijau. Ini merangkumi:

- Program oleh industri untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penyelesaian teknologi hijau (green technology solutions) dalam kalangan perniagaan dan orang ramai;
- Menambah baik kualiti data mengenai prestasi pembiayaan teknologi hijau yang dilaporkan kepada Bank, yang akan membantu mengesan penglibatan institusi kewangan dalam pembiayaan teknologi hijau; dan
- Meningkatkan pelaburan dalam program pembangunan modal insan untuk membina kepakaran dalam kalangan pengurus bank dan membangunkan kursus pendidikan tinggi untuk melahirkan kumpulan pakar dalam pembiayaan teknologi hijau.

Melangkah ke hadapan, pembangunan dan kemampanan teknologi hijau yang memberangsangkan dan dinamik serta ekosistem tenaga bersih memerlukan lebih daripada inisiatif pembiayaan, iaitu strategi yang holistik oleh Kerajaan serta pihak berkepentingan lain yang utama. Ini termasuk, contohnya, penjajaran semula subsidi bahan api fosil bagi menyokong peralihan yang lebih pantas ke arah teknologi hijau dengan mengukuhkan insentif untuk pelaburan sektor swasta yang lebih tinggi dalam teknologi hijau.

Melangkah ke hadapan, pembangunan dan kemampanan teknologi hijau yang memberangsangkan dan dinamik serta ekosistem tenaga bersih memerlukan lebih daripada inisiatif pembiayaan, iaitu strategi yang holistik oleh Kerajaan serta pihak berkepentingan lain yang utama

IKP terus memainkan peranan penting bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan sektor ekonomi yang strategik, termasuk pertanian, infrastruktur, PKS, serta industri yang berorientasikan eksport, berintensif modal dan berteknologi tinggi. Pada tahun 2012, pembiayaan oleh IKP di bawah kawal selia Bank mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 10.1% kepada RM111.1 bilion pada akhir tahun 2012, didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada sektor perkhidmatan perniagaan, pembinaan, utiliti dan pertanian. Profil risiko IKP bertambah baik, seperti yang dibuktikan oleh penurunan nisbah pinjaman terjejas kasar kepada 6.3% (2011: 7.3%). Kedudukan modal IKP kekal teguh, dengan nisbah kecukupan modal wajaran risiko (risk-weighted capital adequacy ratio) pada 22.7% pada akhir tahun 2012 (2011: 23.3%). Pada bulan Disember 2012, Bank mengetatkan keperluan pelaporan kewangan dan penzahiran oleh IKP bagi meningkatkan ketelusan mengenai prestasi IKP berbanding dengan mandat mereka, dan memberikan kejelasan yang lebih baik mengenai pengaturan perkongsian risiko antara IKP dengan Kerajaan. Keperluan ini, yang terkandung dalam Garis Panduan Keperluan Pelaporan Kewangan yang dikeluarkan kepada IKP, memerlukan IKP menerbitkan (i) maklumat mengenai mandat, objektif strategik, pelan tindakan dan penunjuk prestasi utamanya; (ii) prestasi skim yang diurus

oleh IKP; serta (iii) prospek masa hadapan IKP terhadap sektor strategik yang disokong oleh IKP itu, termasuk strategi umum untuk berkembang dalam sektor tersebut. Inisiatif ini penting untuk memastikan prestasi IKP dikukuhkan secara berterusan bagi membolehkan IKP memenuhi mandat mereka.

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN YANG MENDALAM DAN TEGUH

Pasaran sekuriti hutang terus menjadi sumber pendanaan yang penting kepada syarikat, melebihi RM1 trilion (atau 110% daripada KDNK) pada tahun 2012 dari segi nilai terbitan sekuriti hutang terkumpul. Jumlah pembiayaan menerusi pasaran sekuriti hutang syarikat dan sukuk terus meningkat pada tahun 2012, meneruskan trend yang menunjukkan bahagian pembiayaan yang lebih besar untuk sektor perniagaan dipenuhi menerusi pasaran hutang berbanding dengan sistem perbankan sejak tahun 2002. Pasaran sekuriti hutang kini mencakupi 61% daripada jumlah pembiayaan syarikat terkumpul (2011: 58.3%). Malaysia juga mempunyai pasaran sekuriti hutang terbesar di rantau Asia Tenggara dan kekal sebagai antara dua buah negara di Asia Tenggara yang mempunyai pasaran sekuriti hutang swasta yang saiznya hampir sama dengan pasaran hutang awam.

Rajah 2.2

Sukuk dan Sekuriti Hutang Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.3

Terbitan Sukuk dan Sekuriti Hutang (Awam dan Swasta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2012, Danajamin Nasional Berhad yang merupakan satu-satunya penanggung insurans jaminan kewangan Malaysia, meluluskan jaminan sebanyak RM2.8 bilion untuk terbitan bon dan sukuk. Ini meningkatkan jumlah jaminan yang diluluskan setakat ini kepada RM10.1 bilion pada akhir tahun 2012. Daripada jumlah ini, bon dan sukuk yang bernilai RM4.9 bilion telah diterbitkan (2011: RM3.2 bilion). Meskipun penghindaran risiko umum telah berkurang sejak penubuhan Danajamin pada tahun 2009, Danajamin terus memainkan peranan penting untuk meningkatkan akses kepada pasaran bon bagi penerbit yang ingin memperoleh dana untuk jangka yang lebih panjang pada kos yang berpatutan. Penambahbaikan kredit yang disediakan oleh Danajamin terus memberikan manfaat kepada penerbit daripada pelbagai sektor ekonomi, termasuk sektor pembinaan, harta tanah, perladangan, minyak dan gas, serta perkilangan, dengan terbitan bon yang agak besar, lazimnya melebihi RM100 juta. Pengaturan jaminan bersama dan jaminan bersindiket Danajamin dengan bank perdagangan, yang diperkenalkan sejak tahun 2011, menunjukkan kerjasama yang berterusan dengan institusi perbankan pada tahun 2012 dalam empat skim baharu. Pengaturan seperti ini membolehkan bank perdagangan mengambil bahagian dalam terbitan bon yang lebih besar dengan tempoh matang yang lebih panjang.

Danajamin terus membuat pelaburan besar untuk mengukuhkan keupayaan pengurusan risikonya, dengan memberikan tumpuan khusus pada dasar dan proses pengurusan modal dan mudah tunai, bagi menyokong peranannya dan memastikan keupayaan yang berterusan untuk memenuhi tanggungjawab jaminan. Dedahan jaminan Danajamin juga tertakluk kepada keperluan kehematan modal dan mudah tunai yang

Rajah 2.4

Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN



Sumber: Asian Bonds Online

dikenakan oleh Bank. Bagi meningkatkan lagi keupayaan Danajamin menyokong keperluan sebenar sektor perniagaan, khususnya dalam sektor ekonomi berkeutamaan, untuk akses kepada pendanaan daripada pasaran modal yang cekap, Kerajaan telah memperuntukkan RM400 juta lagi bagi meningkatkan modal Danajamin untuk dua tahun akan datang.

Dalam pasaran wang, Bank terus memperkenalkan produk baharu untuk memudahkan pengurusan mudah tunai yang lebih cekap oleh institusi kewangan Islam. Malaysia mempunyai pasaran wang Islam yang mendalam dan teguh, dengan 16 institusi kewangan Islam yang diluluskan menyertai pasaran antara bank dengan jumlah dagangan tahunan melebihi RM1 trilion. Pada bulan Mei 2012, Bank melancarkan satu lagi instrumen monetari Islam yang baharu, iaitu *Murabahah* Bercagar. Instrumen kewangan berisiko kredit rendah ini menggabungkan urus niaga pembiayaan *murabahah* dengan sukuk sebagai aset sandaran dan membolehkan urus niaga antara bank dikendalikan pada asas bercagar. Instrumen ini juga boleh disandarkan kepada Bank untuk mendapatkan sokongan mudah tunai. Setakat ini, Bank telah menandatangani perjanjian *Murabahah* Bercagar dengan 11 institusi perbankan Islam.

Ketika siasatan oleh pengawal selia kewangan terhadap amalan penipuan kadar (rate-rigging) meningkat dalam pusat kewangan utama di seluruh dunia, Bank mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi kehendak terhadap proses pengawasan dalaman institusi perbankan untuk mencegah manipulasi dalam pengemukaan kadar untuk penetapan kadar penanda aras pasaran kewangan. Di Malaysia, kebimbangan mengenai potensi memanipulasikan kadar dalam pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya dikurangkan oleh peranan dan tanggungjawab yang jelas yang dikenakan atas penyumbang Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) yang diluluskan dan dilantik oleh Bank. Bank juga menyediakan proses dalaman yang ketat dalam pemilihan penyumbang dan mempunyai kuasa untuk menyingkirkan penyumbang yang tidak melaksanakan tanggungjawabnya. Selain itu, kadar yang dikemukakan oleh penyumbang juga dipantau dengan rapi oleh Bank.

> Bank mengukuhkan lagi kehendak terhadap proses pengawasan dalaman untuk mencegah manipulasi dalam pengemukaan kadar untuk penetapan kadar penanda aras pasaran kewangan

Amalan yang sedia ada ini ditambah baik lagi menerusi inisiatif pengawasan kendiri yang diperkenalkan oleh Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM), yang antara lain, memerlukan penyumbang kadar untuk menyediakan harga bida dan tawar dua hala yang boleh dipercayai dan boleh dirunding antara penyumbang. Pada bulan Disember 2012, Bank mengeluarkan keperluan tambahan untuk proses penetapan KLIBOR yang merangkumi kehendak yang lebih khusus terhadap peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan, serta keperluan kawalan dalaman. Secara kolektif, langkah ini berperanan memelihara kredibiliti KLIBOR sebagai kadar penanda aras domestik utama, dan mengukuhkan lagi keyakinan peserta pasaran dalam penggunaannya. Selain itu, untuk menentukan kadar USD/MYR, semua bank tempatan berlesen kini dikehendaki menggunakan kadar domestik sahaja sebagai rujukan dalam penentuan harga kontrak pertukaran asing yang melibatkan ringgit. Parameter sedia ada bagi menentukan proses penetapan yang ditentukan oleh PPKM juga telah ditambah baik untuk meningkatkan lagi

kualiti dan integriti proses penetapan, dan untuk memastikan parameter ini mencerminkan keadaan pasaran pada masa ini.

Sebagai sebahagian daripada kajian semula perundangan sektor kewangan yang lebih meluas yang selesai dilaksanakan pada tahun 2012, pindaan telah dibuat pada Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009) dan peruntukan baharu dimasukkan dalam FSA dan IFSA. Peruntukan ini bertujuan memelihara hak kontraktual dan tanggungjawab pihak lain yang berkenaan di bawah pengaturan *close-out netting* dan pencagaran dalam keadaan yang membolehkan Bank menggunakan kuasa tertentu yang diberikan padanya untuk melaksanakan resolusi institusi kewangan secara teratur. Ini menghapuskan ketidakpastian berhubung dengan penguatkuasaan pengaturan *close-out netting* dalam kontrak pasaran kewangan dengan ketara, yang penting untuk pasaran kewangan berfungsi dengan cekap dan untuk meningkatkan keupayaan institusi kewangan Malaysia menguruskan risiko dengan lebih cekap menerusi penggunaan kontrak seperti itu. Dengan perubahan pada perundangan, Persatuan Swap dan Derivatif Antarabangsa (International Swaps and Derivatives Association, ISDA) berpendapat bahawa sebelum campur tangan ketaksolvenan, pelaksanaan hak *close-out netting* di bawah Perjanjian Induk ISDA secara umumnya boleh dikuatkuasakan terhadap pihak lain yang berkenaan yang diperbadankan di Malaysia, tetapi telah mengenal pasti beberapa bidang di bawah beberapa perundangan lain yang perlu ditangani oleh pihak berkuasa berkaitan bagi mendapatkan status Malaysia sebagai *netting friendly jurisdiction.*

Sejak beberapa tahun yang lalu, pelbagai inisiatif telah diambil untuk mendalamkan pasaran pertukaran asing, bermula dengan tumpuan pada langkah meningkatkan kecekapan perniagaan untuk aktiviti perdagangan dan pembiayaan bagi memenuhi keperluan sektor benar dan memudahkan pelaburan langsung di luar negeri. Hasil daripada inisiatif ini, pasaran pertukaran asing telah berkembang enam kali ganda, mewakili kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20.4% antara tahun 2001 hingga tahun 2010. Urus niaga harian purata pasaran pertukaran asing adalah sebanyak USD10.8 bilion pada tahun 2012 (2011: USD9.6 bilion), mencakupi 3.6% daripada KDNK dan mencerminkan perdagangan serantau dan antarabangsa yang terus berkembang, pelaburan di dalam negeri oleh bukan pemastautin yang berterusan dan syarikat Malaysia yang mengembangkan operasi di luar negeri.

Hasil daripada pelbagai inisiatif yang telah diambil untuk mendalamkan pasaran pertukaran asing, pasaran ini telah berkembang enam kali ganda antara tahun 2001 hingga tahun 2010

Keutamaan pada masa hadapan adalah untuk membangunkan akses yang lebih luas serta ketersediaan instrumen pelindung nilai yang lebih pelbagai untuk memenuhi keperluan pembiayaan rakyat Malaysia apabila hubungan perdagangan dan pelaburan merentas sempadan semakin erat. Pada masa ini, pasaran pertukaran asing Malaysia sebahagian besarnya dikuasai oleh urus niaga semerta, iaitu 70% daripada jumlah pertukaran asing pada tahun 2012, manakala swap dan urusan niaga hadapan masing-masing merangkumi 23% dan 7%.

Bagi mencapai matlamat ini, langkah liberalisasi yang seterusnya diumumkan pada tahun 2012, termasuk fleksibiliti yang membenarkan (i) bank tempatan berlesen untuk berdagang mata wang asing dengan mata wang asing lain dengan pemastautin; (ii) bank tempatan berlesen menawarkan derivatif kadar faedah dalam denominasi ringgit kepada pelanggan bukan pemastautin bukan bank; dan (iii) pemastautin untuk menukar obligasi hutang ringgit atau mata wang asing sedia ada kepada obligasi hutang dalam mata wang asing yang lain. Langkah ini dijangka menggalakkan inovasi yang lebih tinggi dalam penawaran produk pertukaran asing yang setara dengan permintaan untuk penyelesaian pengurusan mata wang asing yang cekap.

MENGGALAKKAN SISTEM KEWANGAN YANG INKLUSIF

Malaysia terus memajukan agenda rangkuman kewangan dengan beberapa perkembangan

Indeks Rangkuman Kewangan

- Indeks rangkuman kewangan dibangunkan oleh Bank untuk mengukur kemajuan dan kesan dasar bagi mencapai rangkuman kewangan yang lebih besar di Malaysia.
- Indeks ini merangkumi empat dimensi rangkuman kewangan yang mempunyai pemberat yang sama yang terdiri daripada lapan penunjuk utama rangkuman kewangan.
- Nilai yang lebih tinggi menunjukkan prestasi yang lebih baik manakala dimensi yang mempunyai nilai yang lebih rendah memerlukan penambahbaikan dasar yang selanjutnya.

Jadual 1

Empat Dimensi dan Lapan Penunjuk Utama Indeks

Dimensi	Penunjuk	Sub-Indeks Sama Wajaran	Indeks Sama Wajaran
Tahap Boleh Akses yang Mudah	% mukim yang mempunyai jumlah penduduk sebanyak 2,000 orang atau lebih dengan sekurang-kurangnya satu lokasi akses	0.64	0.77
	% penduduk yang tinggal di mukim dengan sekurang-kurangnya satu lokasi akses		
Kadar Penerimaan	% penduduk dewasa yang mempunyai akaun deposit	0.7	
	% penduduk dewasa yang mempunyai akaun pembiayaan		
	% penduduk dewasa yang mempunyai polisi insurans hayat/takaful		
Penggunaan yang Bertanggungjawab	% pelanggan yang mempunyai deposit aktif	0.98	
	% pelanggan yang mempunyai akaun pembiayaan yang aktif		
Tahap Kepuasan	% pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan kewangan secara keseluruhan	0.76	
0 **0.25** **0.5** **0.75** **1**			0-1.00
Rendah **Sederhana** **Melebihi Purata** **Tinggi**			

Sumber: Bank Negara Malaysia

penting pada tahun 2012. Bilangan akaun deposit bagi setiap 10,000 orang dewasa bertambah pada tahun 2012 kepada 30,735 (2011: 30,355) akaun deposit. Pada masa yang sama, akaun pembiayaan bagi setiap 10,000 orang dewasa adalah lebih rendah tetapi kekal tinggi pada 8,337 (2011: 8,949).

Pada bulan November 2012, Bank telah berkongsi hasil usahanya membangunkan Indeks Rangkuman Kewangan di Bengkel Mengenai Penunjuk Rangkuman Kewangan, yang dianjurkan bersama dengan Jawatankuasa Irving Fisher mengenai Perangkaan Bank Pusat (Irving Fisher Committee on Central Bank Statistics), yang beroperasi di bawah Bank for International Settlements. Indeks ini mengukur tahap rangkuman kewangan berdasarkan empat dimensi, iaitu (i) tahap boleh akses yang mudah; (ii) kadar penerimaan; (iii) penggunaan yang bertanggungjawab; dan (iv) tahap kepuasan. Tujuan utamanya adalah untuk menyediakan penggubal dasar dengan instrumen bagi menilai hasil inisiatif rangkuman kewangan dalam jangka pendek dan jangka sederhana. Ia juga memudahkan perbandingan tahap rangkuman kewangan antara segmen penduduk yang berbeza, lantas menumpukan usaha untuk meningkatkan rangkuman kewangan dengan cara yang akan mencapai kemajuan yang sekata di seluruh negara. Indeks komposit Malaysia secara keseluruhannya ialah 0.77 daripada

Perbankan Ejen: Memajukan Lagi Agenda Rangkuman Kewangan Malaysia

Malaysia telah mencapai kemajuan yang besar dalam melaksanakan agenda rangkuman kewangan sejak sedekad yang lalu. Pernyataan yang jelas mengenai fungsi utama Bank Negara Malaysia (Bank) untuk menggalakkan sektor kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif seperti yang terkandung dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 terus memperkukuh fokus strategik Bank dalam melaksanakan dasar rangkuman kewangan. Sehingga kini, 92% daripada jumlah orang dewasa di negara ini mempunyai akaun simpanan formal[1] dan terdapat sekurang-kurangnya satu pusat akses kewangan[2] di kesemua 144 daerah di Malaysia. Malaysia juga berada pada kedudukan yang membanggakan dalam beberapa penarafan rangkuman kewangan antarabangsa[3].

Sebagai salah satu inisiatif utama di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, pengenalan perbankan ejen oleh Bank pada tahun 2012 akan terus menyumbang kepada agenda rangkuman kewangan dengan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti pada kos yang berpatutan, terutamanya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan di kawasan pedalaman. Perbankan ejen ialah penyediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan oleh institusi kewangan berlesen menerusi ejen pihak ketiga seperti saluran dagang runcit dan pejabat pos. Dengan pengurangan kos penyediaan perkhidmatan perbankan yang ketara dan juga memudahkan orang perseorangan untuk mendapatkan khidmat perbankan dalam persekitaran yang biasa buat mereka, saluran perbankan ejen boleh membantu menghubungkan kepentingan komersial dengan rangkuman kewangan, khasnya bagi akaun bernilai rendah yang banyak bilangannya. Gambar Rajah 1 menunjukkan transaksi deposit dan pengeluaran melalui ejen bank dalam masa nyata.

Gambar Rajah 1

Transaksi Deposit dan Pengeluaran Masa Nyata melalui Ejen Bank



Nota: Bagi transaksi deposit dan pengeluaran, ejen bank dan pelanggan perlu mempunyai akaun dengan institusi kewangan berkenaan

Rangka Kerja Pengawalseliaan Perbankan Ejen

Perbankan ejen di Malaysia beroperasi di bawah rangka kerja pengawalseliaan yang menggalakkan ejen bersikap profesional serta memastikan keselamatan dan integriti transaksi perbankan ejen terpelihara.

[1] Kaji Selidik Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan, Bank Negara Malaysia, 2011.
[2] Pusat akses kewangan ialah saluran untuk perkhidmatan kewangan asas seperti simpanan dan pengeluaran wang yang meliputi cawangan, unit bergerak dan ejen institusi kewangan.
[3] Menduduki tempat pertama sejak tahun 2008 bagi penarafan 'Mendapatkan Kredit' (Doing Business Report, World Bank, 2008-2012). Tempat kelapan daripada 144 negara bagi 'Kemudahan Akses kepada Pinjaman' (The Global Competitiveness Report, World Economic Forum, 2012).

Perkara utama dalam rangka kerja ini ialah tanggungjawab institusi kewangan untuk memberi kuasa dan mengawasi ejen bank mereka dengan sewajarnya serta menyediakan maklumat yang mencukupi kepada pelanggan tentang cara untuk melindungi transaksi kewangan mereka yang dibuat melalui ejen bank. Perkara-perkara ini dinyatakan dalam Garis Panduan Perbankan Ejen yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2012 yang diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Ciri-ciri Utama Garis Panduan Perbankan Ejen

Proses pelantikan dan pemantauan ejen	• Hanya entiti bukan bank yang ditubuhkan secara sah dan mempunyai premis perniagaan tetap boleh dilantik sebagai ejen secara kontrak. • Ejen perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta pengetahuan dan kompetensi untuk mengendalikan perkhidmatan perbankan bagi pihak institusi kewangan. • Institusi kewangan perlu mewujudkan mekanisme urusan pengawasan untuk memantau amalan ejen dan memastikan risiko yang berkaitan dengannya dapat diuruskan dengan berkesan.
Penyediaan perkhidmatan perbankan asas	• Ejen boleh menerima deposit, membuat pengeluaran wang, memindahkan dana serta menyediakan kemudahan pembayaran bil dan pembayaran balik pembiayaan. • Pembukaan akaun bank, perkhidmatan penukaran wang dan penilaian permohonan pembiayaan hanya boleh dikendalikan oleh institusi kewangan sahaja bagi memastikan keperluan berkaitan 'kenali pelanggan anda', kesesuaian pelanggan dan pembiayaan bertanggungjawab dipatuhi.
Perlindungan untuk memastikan transaksi yang selamat	• Transaksi dilakukan dalam masa nyata di premis perniagaan ejen. • Institusi kewangan perlu mempunyai infrastruktur yang teguh untuk menyokong kemudahan perbankan ejen, termasuk sistem yang mempunyai sekurang-kurangnya dua faktor pengesahan untuk transaksi perbankan ejen.
Kesedaran dan perlindungan pengguna	• Maklumat terperinci tentang ejen berdaftar perlu disiarkan dan dikemas kini dalam laman sesawang institusi kewangan. • Institusi kewangan perlu melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan pelanggan dimaklumkan mengenai hak dan tanggungjawab mereka dengan secukupnya, termasuk mekanisme pengesahan ejen, mekanisme penyelesaian pertikaian dan pembelaan serta usaha mendidik pelanggan mengenai perbankan ejen. • Logo perbankan ejen kebangsaan (Gambar Rajah 2) perlu dipaparkan dengan jelas bersama-sama logo institusi kewangan di premis perniagaan ejen untuk memudahkan pelanggan mengenal pasti ejen berdaftar.

Gambar Rajah 2:
Logo Perbankan Ejen Kebangsaan

Impak Perbankan Ejen

Inisiatif perbankan ejen telah menghasilkan pencapaian yang menggalakkan. Tiga institusi kewangan, iaitu Malayan Banking Berhad, RHB Bank Berhad dan Bank Simpanan Nasional mempunyai rangkaian ejen sebanyak 4,120 ejen pada akhir Disember 2012, termasuk pejabat pos, stesen minyak, saluran dagang runcit dan ejen telekomunikasi (Rajah 1). Bank Simpanan Nasional telah mengumumkan rancangannya untuk memperluas rangkaian perbankan ejen mereka kepada 5,000 ejen di kawasan luar bandar di seluruh negara menjelang tahun 2014.

Rajah 1

Perbankan Ejen mengikut Jenis Ejen



Gambar Rajah 3

Akses kepada Perkhidmatan Kewangan Asas

Sebelum perbankan ejen diperkenalkan



Selepas perbankan ejen diperkenalkan



Sejak pelaksanaan perbankan ejen pada tahun 2012, usaha pemetaan geografi oleh Bank mendapati bahawa 75% daripada 837 mukim dengan penduduk lebih daripada 2,000 orang mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses kewangan. Ini merupakan peningkatan ketara daripada hanya 46% pada tahun 2011 (Gambar Rajah 3). Jumlah ini dijangka meningkat kepada 90% menjelang akhir tahun 2014. Jumlah transaksi melalui ejen bank sejak pengenalan perbankan ejen adalah lebih daripada tiga juta dengan nilainya melebihi RM446 juta. Institusi kewangan melaporkan bahawa saluran perbankan ejen berjaya menjimatkan kos sebanyak lebih daripada 80% berbanding dengan kos membuka cawangan. Pihak ejen bank pula mendapat manfaat dari segi bilangan pelanggan yang bertambah ke premis perniagaan mereka.

jumlah skor 1, dengan skor 1 mencerminkan rangkuman sepenuhnya. Hasil daripada ukuran komponen Indeks menunjukkan bahawa walaupun rakyat Malaysia pada umumnya menggunakan perkhidmatan kewangan secara bertanggungjawab dan berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan, namun masih terdapat lagi skop yang besar untuk menambah baik tahap boleh akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan dan seterusnya, kadar penerimaan produk dan perkhidmatan kewangan. Ukuran komposit Indeks akan terus diperincikan dengan penambahbaikan berterusan terhadap pengumpulan data yang akan meningkatkan nilai maklumat Indeks ini bagi menyokong keutamaan strategik dan dasar Bank dalam bidang rangkuman kewangan.

Dua inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2012 untuk menambah baik akses dan dijangka memberikan kesan yang ketara terhadap peluasan jangkauan perkhidmatan kewangan ialah pelaksanaan saluran perbankan ejen dan MyMobile, iaitu platform perbankan dan pembayaran mudah alih Malaysia. Maklumat lanjut mengenai saluran perbankan ejen dan platform MyMobile masing-masing terdapat dalam rencana 'Perbankan Ejen: Memajukan Agenda Rangkuman Kewangan Malaysia', dan dalam Bab 5.

Bank juga akan mengeluarkan cadangan untuk terus menambah baik Rangka Kerja Perkhidmatan Perbankan Asas untuk perundingan dengan pihak awam. Mula diperkenalkan pada tahun 2005, Rangka Kerja ini mewajibkan institusi perbankan dan IKP untuk menawarkan akaun simpanan dan akaun semasa yang asas kepada semua rakyat Malaysia pada kos yang minimum atau tidak melibatkan sebarang kos. Sejak lima tahun kebelakangan ini, permintaan terhadap akaun simpanan dan akaun semasa asas telah stabil, masing-masing pada kira-kira 15% dan 10% daripada jumlah akaun simpanan dan jumlah akaun semasa. Kajian semula terhadap Rangka Kerja ini bermatlamat untuk memastikan ia terus memenuhi keperluan perbankan am untuk pelanggan runcit, yang merangkumi penyediaan untuk peningkatan penggunaan saluran pembayaran elektronik yang lebih cekap. Penambahbaikan yang dicadangkan meliputi urus niaga pembayaran kad debit tanpa had dan secara percuma dengan akaun deposit asas, dan meluaskan akses kepada semua individu yang bermastautin di Malaysia, termasuk orang asing yang mempunyai pengenalan dan dokumen yang sah bagi menggalakkan penggunaan saluran pembayaran yang formal untuk pengiriman wang ke luar negeri.

Bank Simpanan Nasional, dalam peranannya sebagai institusi kewangan yang khusus dan mempunyai mandat khas untuk menggalakkan rangkuman kewangan, telah memudahkan akses yang lebih luas kepada pembiayaan untuk kumpulan sasaran di bawah beberapa skim yang diperkenalkan pada tahun 2012. Ini termasuk perkhidmatan kewangan yang disediakan kepada 1,145 orang pemilik teksi dan kereta sewa untuk mendapatkan pembiayaan sebanyak RM58.8 juta bagi membeli kenderaan sejak bulan Januari 2012. Lebih daripada 8,000 individu yang berpendapatan rendah juga menerima pembiayaan berjumlah RM38.8 juta menerusi Skim Amanah Rakyat 1Malaysia untuk membeli saham Amanah Saham 1Malaysia bagi meningkatkan kedudukan kewangan mereka.

Bank telah diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah bersama untuk Forum Dasar Global tahunan Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) di Sasana Kijang pada bulan September 2013. Forum ini menjadi arena untuk wakil peringkat tinggi ahli AFI yang terdiri daripada bank pusat dan kementerian kewangan, selain pihak berkepentingan lain untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk bekerjasama bagi memajukan agenda rangkuman kewangan. Rangkaian AFI bermatlamat untuk mempercepat penerapan penyelesaian dasar rangkuman kewangan yang inovatif, dengan matlamat utamanya untuk menjadikan perkhidmatan kewangan lebih mudah diakses oleh 2.5 bilion penduduk yang tidak mempunyai akses kepada sistem kewangan formal. Model pembelajaran rangkaian rakan-ke-rakan global AFI membantu ahli institusi AFI berkongsi pengetahuan serta mengenal pasti dan melaksanakan penyelesaian dasar berasaskan bukti yang berkesan di negara asal mereka.

MEMPERKUKUH KESALINGHUBUNGAN KEWANGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa semakin erat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada tahun

2012, kumpulan perbankan domestik telah memperluas kehadiran mereka di rantau ini, dengan enam daripada lapan kumpulan perbankan domestik menjalankan operasi luar negeri di 21 buah negara, berbanding 19 negara sebelum ini. Jumlah aset kumpulan perbankan domestik di luar negeri meningkat sebanyak 19% kepada RM313.8 bilion pada tahun 2012 (2011: RM264.7 bilion), mencakupi 19.2% daripada jumlah aset kumpulan perbankan ini (2011: 19%). Ini seterusnya mendorong sumbangan operasi luar negeri yang lebih tinggi kepada pendapatan operasi kumpulan yang meningkat daripada RM10.3 bilion kepada RM12.8 bilion pada tahun 2012. Kehadiran kumpulan perbankan domestik yang semakin ketara di luar negeri disokong oleh pengawasan yang lebih ketat oleh Bank dan kerjasama erat dengan pihak berkuasa penyeliaan negara-negara tersebut untuk menggalakkan aktiviti penyeliaan dan penilaian yang lebih berkesan terhadap kumpulan secara menyeluruh merentas sempadan.

Negara anggota ASEAN kini berada pada peringkat akhir pelancaran rangka kerja integrasi sektor perbankan yang akan menyokong peranan lebih dinamik dan lebih bermakna bagi bank-bank ASEAN yang berkelayakan dalam memacu integrasi kewangan serantau

Usaha untuk mengukuhkan integrasi kewangan antara Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) terus meningkat di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (ASEAN Framework Agreement on Services). Susulan pengiktirafan Rangka Kerja Integrasi Kewangan ASEAN (ASEAN Financial Integration Framework) pada tahun 2011, negara anggota ASEAN kini berada pada peringkat akhir pelancaran rangka kerja integrasi sektor perbankan yang akan menyokong peranan lebih dinamik dan lebih bermakna bagi bank-bank ASEAN yang berkelayakan dalam memacu integrasi kewangan serantau. Rangka Kerja ini menyediakan satu mekanisme yang membolehkan bank-bank ASEAN yang diuruskan dengan baik dan berupaya untuk berkembang dan beroperasi di rantau ini dengan sokongan usaha sama dan kerjasama pengawalseliaan merentas sempadan antara negara asal dengan negara tuan rumah yang diperkukuh bagi memudahkan perkongsian maklumat dan penyeliaan bank-bank ASEAN secara berkesan. Memandangkan tahap pembangunan sektor kewangan di negara anggota ASEAN yang berbeza-beza, Rangka Kerja ini memberikan fleksibiliti kepada negara anggota untuk mengambil bahagian berdasarkan penilaian manfaat bersama kepada negara-negara tersebut dan keupayaan sektor kewangan dan rangka kerja pengawalseliaan untuk menguruskan peserta baharu. Teras kepada usaha ini ialah kewujudan prasyarat penting untuk menyokong proses integrasi, termasuk wujudnya infrastruktur dan rangka kerja pengawalseliaan yang diperlukan bagi memastikan bahawa kestabilan kewangan serantau terus terpelihara dalam persekitaran yang lebih liberal. Proses integrasi ini juga akan dilengkapi dengan inisiatif pembinaan kapasiti untuk menyokong ketersediaan negara-negara untuk mengambil bahagian dalam Rangka Kerja ini.

Kerjasama serantau dalam pengurusan krisis terus dipertingkat dengan perjanjian negara-negara anggota ASEAN+3 (merangkumi semua anggota ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Selatan) untuk mengukuhkan Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) bagi merangkumi kemudahan pencegahan krisis. Pengukuhan ini membolehkan negara-negara peserta menggunakan kemudahan CMIM sekiranya berlaku tekanan ke atas imbangan pembayaran atau kedudukan mudah tunai jangka pendek mereka, seterusnya membolehkan tindak balas lebih awal terhadap cabaran yang boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Sebelum pengukuhan terhadap kemudahan tersebut, ia hanya tersedia apabila negara-negara itu menghadapi kejutan imbangan pembayaran atau mudah tunai jangka pendek. Jumlah kemudahan CMIM juga telah ditambah daripada USD120 bilion kepada USD240 bilion pada bulan Mei 2012, menandakan komitmen rantau ini terhadap pengukuhan rangka kerja serantau bagi pengurusan krisis untuk memelihara kestabilan kewangan di rantau ini. Sementara itu,

kerja-kerja diteruskan untuk mengukuhkan protokol komunikasi dan pengaturan institusi sedia ada bagi pengurusan dan penyelesaian krisis dalam Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP). Sebahagian penting inisiatif ini termasuk meneliti kekangan alat dasar semasa bagi mengurus krisis merentas sempadan dan membuat penambahbaikan atau mewujudkan instrumen baharu yang wajar untuk menyokong tindak balas serantau terhadap krisis.

Pembangunan pengawalseliaan global menentukan hala tuju penting terhadap sektor kewangan domestik. Penilaian sektor kewangan Malaysia adalah berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh badan penetapan piawaian antarabangsa. Piawaian tersebut diterima pakai di lebih daripada 140 buah negara, termasuk negara-negara asal institusi kewangan yang beroperasi di Malaysia serta negara-negara institusi kewangan Malaysia beroperasi. Manfaat yang besar akan dapat diraih daripada operasi merentas sempadan yang lancar dan penyeliaan institusi kewangan merentas sempadan yang berkesan sekiranya piawaian pengawalseliaan domestik dan antarabangsa dapat diselaraskan dengan rapat. Atas sebab-sebab ini, Bank terus menyumbang secara aktif kepada forum serantau dan antarabangsa yang menumpukan pada perkembangan pengawalseliaan kewangan untuk memastikan supaya kepentingan Malaysia khasnya, dan negara sedang pesat membangun di rantau ini amnya, diberikan pertimbangan sewajarnya dalam proses membuat keputusan pada peringkat antarabangsa. Bank merupakan pengerusi bersama Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) bagi Kumpulan Perundingan Serantau untuk Asia (Regional Consultative Group for Asia), iaitu salah satu daripada enam kumpulan perundingan serantau yang ditubuhkan oleh FSB pada tahun 2011, untuk membincangkan kelemahan yang menjejaskan sistem kewangan global, dan inisiatif semasa dan yang dicadangkan untuk menggalakkan kestabilan kewangan antarabangsa. Ia turut menyokong pelaksanaan inisiatif dasar dan piawaian pengawalseliaan global dalam rantau ini dengan mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan rantau ini amnya dan pasaran sedang pesat membangun khususnya, serta mengemukakan isu-isu penting kepada FSB. Kumpulan ini bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2012, dan pada mesyuarat kedua telah bersetuju untuk membentuk dua kumpulan kerja bagi mengkaji dengan lebih terperinci aktiviti perbankan bayangan (shadow banking) di rantau ini dan kesan rangka kerja dasar bagi institusi kewangan yang penting dari segi sistemik terhadap sektor kewangan Asia. Di samping itu, Bank juga bertindak sebagai penyelaras serantau bagi inisiatif latihan di bawah Persatuan Antarabangsa Penyelia Insurans (International Association of Insurance Supervisors) yang menyokong pelaksanaan inisiatif latihan dan pendidikan yang disasarkan untuk memperkukuh kapasiti penyeliaan dan meningkatkan kerjasama dalam kalangan penyelia insurans di rantau ini.

Pengaturan infrastruktur yang penting untuk menyokong integrasi kewangan serantau juga telah dilaksanakan dengan pelancaran platform rintis bagi pelaburan merentas sempadan dan penyelesaian sekuriti hutang. Usaha sama oleh Bank, Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong serta Euroclear Bank menandakan pencapaian penting ke arah pasaran bon yang bersatu di rantau ini, dengan membolehkan pelabur dan pengantara pasaran mengakses pasaran bon di Malaysia dan Hong Kong dengan lebih cekap dan berkesan. Usaha ini seterusnya menyumbang kepada pengukuhan pasaran bon Asia. Di samping itu, untuk menyokong pembangunan pasaran bon yang berfungsi dengan baik di rantau ini, negara-negara anggota ASEAN+3 bersetuju untuk menerima pakai Pelan Hala Tuju Baharu+ (New Roadmap+) berdasarkan Inisiatif Pasaran Bon Asia (Asian Bond Markets Initiative), yang merangkumi strategi penting seperti penubuhan pengantara penyelesaian serantau, pembangunan pasaran bon kerajaan dan pengenalan program jaminan.

Susulan integrasi ekonomi dan kewangan yang semakin mendalam di rantau ini, Bank selanjutnya mengukuhkan hubungan dua halanya dengan bank-bank pusat lain untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan yang saling memperkuat dan terkait. Perjanjian swap mata wang dua hala antara Bank dengan People's Bank of China diperbaharui untuk tempoh tiga tahun lagi seiring dengan pertumbuhan berterusan dalam hubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan Republik Rakyat China sejak beberapa tahun lalu. Dana swap RMB/MYR turut meningkat daripada RM40 bilion (bersamaan RMB80 bilion) kepada RM90 bilion (bersamaan RMB180 bilion) untuk memudahkan penyelesaian perdagangan dan pelaburan yang lebih besar

dalam renminbi. Bank turut menandatangani memorandum persefahaman dengan Bank Pusat Republik Turki, seterusnya melakar laluan buat kedua-dua buah negara menjalin kerjasama strategik dalam pembangunan sektor perkhidmatan kewangan dan mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan menerusi perdagangan dan pelaburan dua hala.

PENGANTARABANGSAAN KEWANGAN ISLAM: MENGEMBANGKAN PASARAN KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Sektor perbankan Islam meneruskan trajektori pertumbuhannya dengan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.8% dalam jumlah aset, mencakupi 23.8% daripada jumlah aset dalam keseluruhan sistem perbankan (termasuk IKP). Dengan peralihan sistem kewangan Islam Malaysia kepada sistem yang lebih berorientasi antarabangsa, jumlah perniagaan mata wang asing termasuk yang dijalankan oleh Bank-bank Islam Antarabangsa (International Islamic Banks) dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa (International Currency Business Units) telah meningkat sejak beberapa tahun ini (Rajah 2.5). Kini terdapat 16 institusi perbankan Islam di Malaysia yang beroperasi sebagai subsidiari berasingan dan 10 operasi perbankan Islam yang dijalankan melalui jendela Islam pada akhir tahun 2012. Dalam sektor takaful, jumlah aset dana takaful meningkat sebanyak 12.4% kepada RM19 bilion, sementara caruman takaful

Rajah 2.5

Aset, Pembiayaan dan Deposit Mata Wang Asing Islam bagi Bank Islam Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6

Jumlah Sukuk dalam Denominasi Dolar AS Terkumpul Global Tahun 2012



Sumber: Bloomberg

mencakupi 13.6% daripada jumlah premium dan caruman dalam industri insurans dan takaful. Meskipun menghadapi persekitaran global yang mencabar, terbitan sukuk di Malaysia kekal kukuh dengan beberapa terbitan sukuk berbilang mata wang yang penting oleh syarikat multinasional, korporat dan agensi multilateral. Hasilnya, Malaysia terus menjadi peserta utama dalam pasaran sukuk global dengan sukuk yang diterbitkan di Malaysia mencakupi 74% daripada jumlah terbitan sukuk global (2011: 71.6%). Malaysia juga kekal sebagai pemilik salah sebuah pasaran sukuk yang didenominasikan dalam dolar AS yang terbesar pada peringkat global (Rajah 2.6).

Perkembangan pada tahun 2012 mengukuhkan lagi asas dan pengaturan institusi bagi pertumbuhan kewangan Islam yang teratur di Malaysia, sambil menyokong pengantarabangsaan kewangan Islam.

Dalam langkah untuk mengukuhkan elemen yang menyokong tadbir urus dan pematuhan Syariah sepenuhnya, IFSA yang turut memodenkan dan mengukuhkan dengan ketara rangka kerja pengawalan dan penyeliaan untuk institusi kewangan Islam, memperkenalkan asas penting bagi evolusi rangka kerja pengawalan berasaskan kontrak untuk sektor kewangan Islam. Usaha ini dihuraikan dalam rencana 'Rangka Kerja Pengawalseliaan Berasaskan Kontrak bagi Kewangan Islam'.

Memandangkan kadar pengantarabangsaan kewangan Islam mencapai momentum yang

lebih pesat, kebolehkuatkuasaan kontrak komersial kewangan Islam yang dijalankan merentas sempadan menjadi semakin penting. Oleh itu, peranan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration, KLRCA) untuk menimbang tara pertikaian kewangan Islam telah diperkukuh dengan pembentukan 'Peraturan Timbang Tara-i' (i-Arbitration Rules) yang mentadbir pertikaian domestik dan antarabangsa dalam kewangan Islam. Peraturan ini yang menerima pakai Peraturan Timbang Tara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa (United Nations Commission on International Trade Law Arbitration Rules) memberikan sokongan kepada KLRCA sebagai pusat timbang tara bagi penyelesaian pertikaian dalam urus niaga komersial Islam pada peringkat antarabangsa. Selain timbang tara, panduan juga disediakan berhubung dengan penggunaan prinsip Syariah untuk prosiding mahkamah.

Perkembangan pada tahun 2012 mengukuhkan lagi asas dan pengaturan institusi bagi pertumbuhan kewangan Islam yang teratur di Malaysia, sambil menyokong pengantarabangsaan kewangan Islam

Pasaran kewangan Islam yang dalam dan cair terus berkembang di Malaysia. Pada tahun 2012, inovasi dalam pasaran sukuk menghasilkan beberapa terbitan penting yang telah mengembangkan lagi kepelbagaian struktur, saiz dan tempoh matang sukuk. Ini termasuklah sukuk berbilang tempoh matang berjumlah RM500 juta menggunakan struktur *wakalah bil istithmar*, terbitan sukuk berterusan yang pertama di Malaysia berjumlah RM2.5 bilion dan terbitan *murabahah* sukuk bertaraf yang terbesar bernilai RM5 bilion berdasarkan pengaturan *tawarruq*. Sukuk dengan saiz program RM30.6 bilion dan tempoh matang daripada lima hingga 27 tahun telah diterbitkan untuk membiayai salah satu inisiatif penswastaan terbesar Malaysia. Kerajaan juga menerbitkan Sukuk Perumahan Kerajaan berjumlah RM4.5 bilion untuk membiayai semula pinjaman perumahan sedia ada yang diberikan kepada penjawat awam dan untuk membiayai pinjaman perumahan Kerajaan yang baharu. Pada tahun 2012, Bank memberikan status 'Emas', iaitu gelaran Malaysia untuk sukuk didenominasikan dalam mata wang asing yang berasal dari Malaysia, kepada tiga terbitan sukuk berbilang mata wang oleh sesebuah agensi multilateral dan syarikat di Malaysia. Pelancaran Indeks Sukuk Korporat Bloomberg-AIBIM-Bursa Malaysia (Bloomberg-AIBIM-Bursa Malaysia Corporate Sukuk Index) pada bulan September 2012 menandakan satu lagi kemajuan penting dalam pembangunan pasaran kewangan Islam domestik, sekaligus menyediakan penanda aras penting bagi para pelabur bon Islam didenominasikan dalam ringgit untuk menjejak dan mengukur prestasi sukuk korporat di Malaysia.

Dengan dimensi antarabangsa kewangan Islam semakin berkembang, ia menjadi komponen yang semakin penting bagi sistem kewangan global dan institusi kewangan Islam juga memperluas kehadiran mereka di persada antarabangsa. Terdapat keperluan kritikal untuk merangsang pembangunan instrumen mudah tunai berkualiti tinggi berlandaskan Syariah untuk memudahkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih berkesan dan cekap. Untuk memenuhi keperluan ini, usaha sama oleh 10 bank pusat dan Kumpulan Pembangunan Islam (Islamic Development Group) telah menubuhkan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) di Kuala Lumpur pada tahun 2010 dengan mandat untuk menerbitkan sukuk mudah tunai berkualiti tinggi dengan tujuan memudahkan pengurusan mudah tunai berlandaskan Syariah. IILM sedang memuktamadkan penarafan program sukuk jangka pendeknya untuk memudahkan terbitan pertamanya.

Untuk menyokong pembangunan tenaga mahir bagi sistem kewangan Islam, Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), yang ditubuhkan pada tahun 2005, terus membina reputasi globalnya yang kukuh sebagai penyedia pendidikan profesional dan lanjutan dalam kewangan Islam untuk membangunkan dan melahirkan tenaga mahir berkaliber tinggi bagi memenuhi keperluan

Rangka Kerja Pengawalseliaan Berasaskan Kontrak bagi Kewangan Islam

Kewangan Islam memperoleh nilainya menerusi penggunaan pelbagai kontrak Syariah dalam urus niaga kewangan dengan menawarkan profil risiko dan pulangan yang berbeza. Kepatuhan yang tinggi oleh institusi kewangan Islam terhadap prinsip Syariah di bawah kontrak yang tersendiri ini telah memelihara kewibawaan dan kesahihan urus niaga kewangan Islam. Rencana ini memaparkan inisiatif utama di Malaysia bagi membina rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak yang menyeluruh bagi kewangan Islam.

Pembinaan Asas Undang-Undang yang Kukuh

Asas bagi tadbir urus dan pematuhan Syariah sepenuhnya bagi sektor kewangan Islam terus diperkukuh dengan pelulusan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Act, IFSA) 2013 pada bulan Disember 2012. Akta ini menyediakan premis undang-undang bagi rangka kerja pengawalseliaan kewangan Islam yang menyeluruh di Malaysia yang menggambarkan ciri-ciri khusus pelbagai jenis kontrak kewangan Syariah, dan menyokong keberkesanan penggunaan kontrak kewangan Islam yang berkesan dalam penawaran produk dan perkhidmatan kewangan Islam - daripada pemeteraian kontrak hinggalah kepada pembubaran institusi kewangan Islam yang gagal (Gambar Rajah 1). Pelulusan Akta ini adalah suatu langkah ke hadapan yang penting dalam menjajarkan prinsip undang-undang dan pengawalseliaan seiring dengan tuntutan Syariah selain boleh berperanan sebagai penanda aras yang berguna bagi pengembangan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih menyeluruh pada peringkat global bagi membina keyakinan yang lebih kukuh terhadap undang-undang dan pengendalian operasi kewangan Islam.

Gambar Rajah 1

Rangka Kerja Pengawalseliaan Berasaskan Kontrak



Bagi mencapai penjajaran yang lebih kukuh terhadap prinsip Syariah, tiga elemen dalam perundangan baharu tersebut perlu diberi perhatian:

- **Akta tersebut mentakrifkan dengan jelas skop aset dan liabiliti perniagaan perbankan Islam berdasarkan ciri-ciri kontrak yang mendasarinya.** Dari segi liabiliti, penggunaan kontrak Syariah yang memberi jaminan prinsipal seperti *qard, wadi`ah* dan *tawarruq* dalam pengambilan deposit dibezakan dengan jelas daripada kontrak Syariah yang tidak memberi jaminan prinsipal bagi tujuan pelaburan seperti *mudarabah* dan *wakalah*. Dari segi aset, skop

aktiviti pembiayaan turut memperjelas ciri-ciri khusus kontrak kewangan Islam yang meliputi kontrak pembiayaan ekuiti dan perkongsian seperti *musyarakah mutanaqisah*, kontrak pembiayaan berasaskan sewaan seperti *ijarah muntahia bittamleek*, dan aktiviti berasaskan yuran di bawah kontrak *wakalah*.

- **Peruntukan yang mentadbir urus perniagaan takaful mempertegas sifat kontrak Syariah yang mendasari rangka kerja operasi takaful.** Perundangan baharu ini memberi kesan undang-undang kepada pengasingan pemilikan dana antara peserta takaful dengan pemegang saham pengendali takaful mengikut tuntutan Syariah. Perkara ini diperkukuh melalui keperluan pengawalseliaan yang menekankan hubungan fidusiari antara pengendali takaful dengan peserta takaful seperti yang ditetapkan dalam kontrak *mudarabah* atau *wakalah* yang digunakan dalam perniagaan takaful, iaitu dana takaful hendaklah diuruskan bagi pihak dan untuk kepentingan peserta takaful.

- **Perundangan tersebut menyediakan rangka kerja undang-undang bagi pembubaran institusi kewangan Islam sejajar dengan elemen khusus kontrak kewangan Islam yang berkaitan (Gambar Rajah 2).** Aset yang diuruskan oleh bank-bank Islam bagi pihak pelabur dilindungi secara sah daripada aset bank-bank Islam berikutan larangan percampuran keuntungan dan kerugian antara akaun pelaburan dengan dana lain. Pengasingan yang serupa juga terpakai untuk jendela Islam dalam bank perdagangan dan bank pelaburan berlesen, iaitu aset dan dana operasi perbankan Islam diasingkan daripada perniagaan perbankan konvensional. Jika berlaku pembubaran sesebuah institusi kewangan Islam, bayaran kepada pendeposit perbankan Islam akan diberi keutamaan selaras dengan sifat kontrak jaminan yang digunakan dalam produk deposit perbankan Islam. Begitu juga bagi perniagaan takaful, aset dana takaful dan dana pemegang saham diasingkan dan digunakan untuk memenuhi liabiliti masing-masing jika berlaku pembubaran pengendali takaful. Obligasi ini berbeza tahap keutamaannya kerana ia tertakluk kepada kontrak khusus yang mendasari model perniagaan takaful.

Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawalseliaan

Perundangan tersebut juga mengandungi peruntukan yang membolehkan Bank menetapkan keperluan pengawalseliaan untuk mendokong dan memastikan ia sejajar dengan rangka kerja operasi berasaskan kontrak Syariah. Dalam hal ini, Bank boleh menetapkan piawaian Syariah bagi kontrak perbankan Islam yang utama setelah berunding dengan Majlis Penasihat Syariah Bank. Piawaian ini bertujuan untuk mentakrifkan ciri penting prinsip asas Syariah yang diterima pakai oleh institusi kewangan Islam, di samping meningkatkan kepastian dan keyakinan orang ramai terhadap urus niaga kewangan Islam. Bank mengeluarkan Piawaian Syariah *Mudarabah* pada bulan Oktober 2012, manakala piawaian Syariah *murabahah, musyarakah, ijarah, wadi`ah* dan *istisna`* dijangka menyusul pada tahun 2013 dan 2014.

Bagi menyokong pelaksanaan piawaian Syariah yang berkesan dan memastikan pematuhan oleh institusi kewangan Islam, Bank juga mengeluarkan panduan atau piawaian pengendalian operasi berkaitan hal-hal Syariah. Panduan dan piawaian pengendalian operasi tersebut mengambil kira prinsip amalan yang utuh selain untuk memenuhi jangkaan Bank bagi pengurusan risiko, tadbir urus, penzahiran maklumat serta olahan perundangan dan perakaunan yang sesuai dan berkesan bagi kontrak utama kewangan Islam untuk memastikan pematuhan kepada Syariah di bawah kontrak kewangan Islam yang pelbagai. Sejak beberapa tahun lalu, jangkaan Bank terhadap lembaga pengarah dan pihak pengurusan institusi kewangan Islam dan jawatankuasa Syariahnya dalam memastikan pematuhan kepada Syariah sepenuhnya telah meningkat secara progresif, seiring dengan peningkatan kepentingan perniagaan kewangan Islam pada peringkat institusi, kumpulan dan keseluruhan sistem. Pada tahun 2012, Garis Panduan Pelaporan Kewangan untuk Institusi Perbankan Islam telah disemak dalam usaha untuk menambah baik kualiti maklumat untuk para pengguna penyata kewangan bagi menzahirkan profil risiko dan pulangan yang berbeza serta ciri-ciri yang dikaitkan dengan pelbagai kontrak kewangan Islam. Penambahbaikan selanjutnya terhadap panduan

Gambar Rajah 2

Keutamaan Pembayaran Berdasarkan Kontrak Syariah



[a] Seksyen 292(1) Akta Syarikat 1965
[b] Seksyen 10 Akta Prosiding Kerajaan 1956
[c] Seksyen 292(1) (a) & (f) Akta Syarikat 1965
[d] Seksyen 292(1) (f) Akta Syarikat 1965

dan piawaian yang sedia ada akan terus dilaksanakan di bawah rancangan kerja tiga tahun untuk terus memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan bagi penggunaan kontrak Syariah.

Bank mempunyai kuasa yang luas di bawah undang-undang untuk menangani isu ketidakpatuhan kepada piawaian Syariah dan pengendalian operasi. Ini termasuk keupayaan untuk mengarahkan tindakan pembetulan segera melalui campur tangan penyeliaan, selain rangka kerja penalti menyeluruh sebagai langkah pencegahan yang berwibawa.

Membina Infrastruktur Bersepadu pada Peringkat Kebangsaan

Malaysia telah membangunkan infrastruktur dan rangka kerja undang-undang yang menyeluruh untuk mendokong penguatkuasaan kontrak Syariah yang berkesan, menjangkaui undang-undang

dan peraturan perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2010, Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang ditubuhkan dengan mandat untuk menyemak secara objektif undang-undang berkaitan yang lain, mencadang perubahan yang sesuai untuk mendapatkan pengiktirafan undang-undang terhadap ciri-ciri kontrak Syariah, serta memperkukuh kepastian undang-undang bagi urus niaga kewangan berlandaskan prinsip Syariah. Fokus semasa Jawatankuasa ini melalui kerjasamanya dengan pihak berkepentingan yang berkaitan adalah untuk merangka mekanisme berkesan untuk mengiktiraf kepentingan bermanfaat yang terhasil daripada kontrak pembiayaan seperti *ijarah* dan *musyarakah mutanaqisah* dalam Kanun Tanah Negara 1965 bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang berkontrak yang terlibat dalam pembiayaan secara Islam. Kepastian perundangan turut diperkasa menerusi pengiktirafan dari segi undang-undang terhadap peranan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia sebagai pusat rujukan bagi mahkamah dan penimbang tara bagi isu Syariah yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam. Perkembangan ini penting untuk memastikan penggunaan prinsip kontrak Syariah yang tekal dalam urus niaga kewangan Islam.

Dari perspektif percukaian, prinsip percukaian neutral yang ditadbir oleh Jawatankuasa Keneutralan Cukai memastikan struktur kos urus niaga bagi penggunaan kontrak Syariah dalam kewangan Islam tidak melebihi kos urus niaga kewangan konvensional yang menjana kesan ekonomi yang sama lantas mengekalkan olahan percukaian yang setara.

industri kewangan Islam. INCEIF telah berjaya menarik lebih daripada 2,000 penuntut sejak penubuhannya, termasuk lebih daripada 1,800 penuntut yang mengikuti kursus kelayakan Profesional Kewangan Islam Berkanun dan 300 penuntut mengikuti pengajian Sarjana dan PhD dalam kewangan Islam. Para pelajar yang datangnya dari 78 negara membawa perspektif dan dimensi yang pelbagai ke dalam proses pembelajaran untuk penuntut INCEIF. Pada tahun 2012, INCEIF telah memulakan program Kelas Sarjana Eksekutif (Executive Master Class) buat julung kalinya, yang bertujuan untuk membangunkan pemimpin dalam industri kewangan Islam. Program ini telah menarik lebih daripada 300 peserta tempatan dan antarabangsa dari 36 negara sejak pelancarannya pada bulan September.

Untuk terus memperluas jangkauan global dan sumbangannya kepada kepelbagaian kumpulan tenaga mahir global untuk kewangan Islam, INCEIF juga telah memeterai pengaturan usaha sama yang baharu dengan rakan kongsi antarabangsanya, termasuk Bank Dunia, Perbadanan Islam bagi Pembangunan Sektor Swasta (bahagian sektor swasta Kumpulan Bank Pembangunan Islam) dan *Centre Africain D'Etude Superieure en Gestion* (institut latihan Bank Pusat bagi Negara-negara Afrika Barat). INCEIF turut bekerjasama dengan BNP Paribas Malaysia Berhad untuk menubuhkan Pusat Pengurusan Kekayaan Islam BNP Paribas-INCEIF di Malaysia yang merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan khusus yang bertujuan menjadi pemangkin inovasi dalam pengurusan kekayaan Islam. Pada masa ini, Pusat ini menjalankan penyelidikan gunaan dengan pengkhususan dalam bidang pengurusan kekayaan Islam yang memberi tumpuan pada penyelesaian kewangan inovatif untuk memenuhi keperluan pelaburan yang lebih canggih dalam kalangan penduduk yang semakin mewah, khususnya di Asia dan Timur Tengah.

Dalam bidang penyelidikan gunaan Syariah dan kewangan Islam, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) terus melibatkan diri dan menyokong secara aktif badan-badan Islam antarabangsa, termasuk Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (International Islamic Fiqh Academy), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board) dan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (International Islamic Financial Market) untuk menggalakkan inovasi yang lebih luas dalam produk Islam yang mematuhi prinsip Islam dan disokong oleh struktur tadbir urus dan pengurusan risiko yang sesuai. Kebanyakan penglibatan ini bertujuan untuk menggalakkan amalan dan peraturan yang lebih tekal bagi mengurangkan perbezaan dalam piawaian dan interpretasi Syariah, dalam usaha mencapai keseragaman yang lebih sekata merentas negara. ISRA telah melancarkan Portal Repositori Ilmu Kewangan Islam (Islamic Financial Knowledge Repository Portal, i-Fikr) pada tahun 2012 sebagai pangkalan data menyeluruh bagi penghakiman dan fatwa, keperluan perundangan dan pengawalseliaan, rencana, buku dan kompendium mengenai kewangan Islam. Dijangkakan bahawa i-Fikr berupaya menggalakkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai prinsip kewangan Islam dalam kalangan pengamal industri, penggubal dasar, penyelidik dan ahli akademik.

PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR DALAM SEKTOR KEWANGAN

Inisiatif pembangunan modal insan terus memberi tumpuan pada usaha menarik, membangunkan dan mengekalkan tenaga mahir untuk membina dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti tinggi dan cekap, yang penting dalam pembangunan sektor kewangan yang dinamik dan berdaya saing. Usaha-usaha yang bertujuan untuk menangani isu berkaitan bekalan tenaga mahir dari tahap kemasukan hingga peringkat kepimpinan secara holistik telah memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang tenaga mahir dalam industri kewangan.

Sejak Program Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) diwujudkan oleh Bank pada tahun 2007, ia telah menjadi inisiatif yang diterajui industri yang telah menghasilkan lebih daripada 1,240 individu berkaliber tinggi dan bersedia diambil bekerja oleh industri. FSTEP terus menghasilkan rekod cemerlang bagi individu yang menyertai FSTEP dan seterusnya diserap dengan segera ke dalam alam pekerjaan. Sejak tahun 2011, hampir 100% daripada graduan telah diambil bekerja dalam industri perkhidmatan kewangan dengan sebahagian kecil daripada graduan diserap masuk oleh sektor-sektor lain. Peningkatan terus dibuat pada reka bentuk dan program pembelajaran untuk memastikan program kekal berkesan dan relevan. Kini, FSTEP menyediakan program pendedahan kepada industri kewangan

dan kecekapan profesional yang diperlukan di tempat kerja kepada graduan yang ingin mencari kerja dalam industri perkhidmatan kewangan. Peningkatan selanjutnya terus dilaksanakan pada program dengan memanfaatkan usaha sama strategik dengan badan-badan domestik dan antarabangsa seperti CPA Australia Ltd, Institut Insurans Malaysia (Malaysian Insurance Institute, MII) dan Institut Insurans Berkanun (Chartered Insurance Institute), untuk membuka peluang pembelajaran yang saling memanfaatkan para peserta. Berkuat kuasa pada bulan Mei 2013, FSTEP akan memperluas programnya kepada peserta asing yang bekerja dalam subsidiari dan syarikat sekutu bagi institusi kewangan milik Malaysia yang beroperasi di rantau Asia Tenggara. Langkah ini akan menyediakan peluang pembelajaran merentas budaya dan menyokong keperluan tenaga mahir institusi kewangan Malaysia yang mengembangkan perniagaan di rantau ini.

Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (Iclif Leadership and Governance Centre) terus mengembangkan kapasiti dan keupayaannya, seterusnya mengukuhkan tenaga pengajarnya untuk menyokong objektif membangunkan pemimpin bertaraf dunia untuk menerajui institusi kewangan. Pada tahun 2012, sebanyak 2,802 penuntut telah mengikuti program yang ditawarkan, termasuk pengarah institusi kewangan yang mengikuti program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE). Iclif juga telah menyumbang kepada pembangunan pemimpin ke arah memudahkan proses transformasi ekonomi Malaysia dengan memperluas jangkauannya melangkaui sektor kewangan dan menyediakan latihan kepada institusi bukan kewangan dan syarikat multinasional. Dengan kejayaan pada peringkat domestik yang menggalakkan, Iclif telah meneroka ke pasaran baharu seperti Indonesia, Arab Saudi dan Mesir. Sebagai sebahagian daripada kepimpinan berwawasannya dalam bidang kepimpinan dan tadbir urus, Iclif telah memulakan penyelidikan dalamannya yang pertama mengenai pembangunan 'Indeks Kepimpinan Asia', yang bertujuan menjadi penanda aras bagi negara-negara menilai kualiti pemimpin eksekutif tertinggi mereka. Satu sampel yang meliputi 18 negara di seluruh rantau Asia telah dipilih untuk menyertai penyelidikan ini. Hasil penyelidikan yang dijangka diterbitkan pada tahun 2013 akan memberi input berharga kepada pembangunan dan reka bentuk program pada masa hadapan. Pada tahun 2012, Iclif telah memasukkan 'Program Kepimpinan Perniagaan' yang disediakan melalui usaha sama dengan Ross School of Business, Universiti Michigan, ke dalam senarai program pengajian yang ditawarkannya. Program ini meliputi kemahiran kritikal dan mengurangkan jurang pengetahuan yang relevan kepada eksekutif yang sedang melangkah ke peringkat kepimpinan mereka untuk membolehkan mereka memimpin organisasi dengan berkesan.

Pada bulan Mei 2012, Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance, AIF) memulakan Program Pengurusan Kewangan Mikro yang direka untuk mempertingkat keberkesanan dan keupayaan penyedia kewangan mikro dalam menyokong perkhidmatan kewangan untuk perusahaan mikro. Program yang dibangunkan oleh

Tinjauan mengenai Prestasi Graduan FSTEP

Satu tinjauan bebas telah dijalankan oleh Jawatankuasa Pemandu FSTEP pada bulan Ogos 2012 untuk menilai prestasi graduan FSTEP. Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap 104 graduan FSTEP (mewakili 36% daripada jumlah graduan bagi tiga ambilan antara tahun 2009 hingga 2012) yang meliputi aspek seperti sikap kerja secara am, kemahiran berbahasa Inggeris, pengetahuan teknikal, kemahiran dalam diri (soft skills), amalan perniagaan, kerja berpasukan, orientasi terhadap hasil kerja (result orientation) dan komunikasi, serta kepuasan majikan secara keseluruhan terhadap prestasi graduan FSTEP. Hasil daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa:

- Prestasi graduan FSTEP nyata lebih baik berbanding graduan baharu lain dan memenuhi keperluan majikan;
- Majikan lebih cenderung memilih graduan FSTEP berbanding graduan baharu lain yang diambil bekerja secara langsung;
- FSTEP berkesan dalam menyediakan eksekutif peringkat kemasukan untuk kerjaya dalam industri perkhidmatan kewangan; dan
- Majikan sebulat suara berpuas hati dengan graduan FSTEP.

Pusat Rangkuman Kewangan AIF ini merapatkan jurang kemahiran yang penting bagi penyampaian penyelesaian kewangan mikro yang berkesan dan bertanggungjawab. Susulan inisiatif ini, satu lagi program utama yang menyediakan latihan pengurusan dan kepimpinan peringkat tinggi kepada eksekutif kanan di institusi kewangan mikro mula dikendalikan pada bulan Februari 2013. Pada tahun 2012, AIF juga telah melanjutkan program pengurusan strategi dan risiko operasinya, pengauditan serta tadbir urus yang sedia ada kepada institusi kewangan Islam. Untuk menyokong inisiatif baharu ini, AIF melancarkan 54 projek bina upaya berjumlah RM54 juta untuk mempertingkat kapasiti institusi latihan sekutunya yang terdiri daripada IBBM, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia), MII dan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (Securities Industry Development Corporation).

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyediakan insentif yang mantap terhadap pelaburan oleh institusi kewangan dalam latihan berkualiti tinggi bagi tenaga kerja mereka, selain untuk menetapkan piawaian yang jelas bagi menilai program latihan untuk ahli profesional perkhidmatan kewangan, bahagian jaminan kualiti dan akreditasi AIF telah diasingkan daripada AIF dan ditubuhkan sebagai entiti berasingan yang dinamakan Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency). Peranan utamanya adalah untuk menyediakan akreditasi bagi program pembelajaran dan kelayakan kepada industri perkhidmatan kewangan yang akan bertindak sebagai penanda kualiti program latihan perkhidmatan kewangan selain memudahkan pengiktirafan bersama terhadap pembelajaran dan pengalaman profesional dalam perkhidmatan kewangan.

Majlis Tenaga Mahir Sektor Kewangan akan ditubuhkan pada tahun 2013 untuk menyediakan khidmat nasihat dan hala tuju strategik bagi pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan yang mengambil kira trend semasa dan akan datang

Menyedari akan pentingnya untuk mempunyai pendekatan yang holistik dan menyeluruh bagi pembangunan modal insan, Majlis Tenaga Mahir Sektor Kewangan akan ditubuhkan pada tahun 2013 untuk menyediakan khidmat nasihat dan hala tuju strategik bagi pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan yang mengambil kira trend semasa dan akan datang. Majlis yang dipacu pihak industri ini akan menjalin kerjasama dengan pengawal selia, agensi Kerajaan, ahli akademik dan penyedia latihan. Fokus segera Majlis adalah untuk menyelia penentuan keperluan modal insan dan tenaga mahir dalam industri, di samping membangunkan strategi yang terselaras untuk memajukan pembangunan tenaga mahir dalam cara yang bersepadu.

Kemajuan Pelaksanaan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020

Susulan pelancaran Pelan Sektor Kewangan pada bulan Disember 2011, Bank telah melaksanakan rangka kerja tadbir urus dalaman proses perancangan perniagaan Bank untuk memudahkan pemantauan dan pelaksanaan inisiatif Pelan Sektor Kewangan. Di bawah rangka kerja ini, inisiatif akan disemak secara berkala dari aspek keberkaitan dan keutamaannya, dengan mengambil kira kepentingannya kepada visi Pelan Sektor Kewangan, keupayaan pihak berkepentingan lain yang utama dalam menyokong pelaksanaan, serta kesan keadaan pasaran sedia ada terhadap hasil yang dikehendaki.

Pada tahun 2012, inisiatif di bawah Pelan Sektor Kewangan ini sebahagian besarnya tertumpu pada pengukuhan asas untuk pembangunan sektor kewangan selanjutnya. Sebanyak 76 inisiatif yang mencakupi 35% daripada jumlah inisiatif telah disempurnakan atau dilaksanakan secara berterusan. Daripada jumlah ini, tujuh inisiatif berikut telah disempurnakan:

- 2.2.1 (iii) : Meliberalisasikan penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran derivatif kadar faedah tempatan dan menggalakkan penggunaan yang lebih meluas derivatif kadar faedah oleh peserta pasaran;

Rajah 2.7

Kemajuan Pelaksanaan Inisiatif Pelan Sektor Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- 2.2.5 (ii) : Membenarkan dana keinstitusian dan pelabur runcit untuk berdagang dalam mata wang asing tertakluk kepada perlindungan yang sewajarnya;
- 2.3.1 (i) : Membangunkan rangka kerja perbankan ejen yang menyeluruh bagi membolehkan jangkauan perkhidmatan kewangan pada kos yang lebih rendah;
- 2.3.2 (i) : Menggalakkan produk pembiayaan mikro yang fleksibel bagi membolehkan pengeluaran pembiayaan dengan cepat apabila diperlukan dan membuat prabayaran balik pembiayaan pada masa senang;
- 3.2.6 (i) : Mengiktiraf instrumen mata wang asing yang layak diterima sebagai aset cair dan digunakan sebagai cagaran untuk mendapatkan sokongan kecairan;
- 4.1.1 : Menggubal rangka kerja perundangan yang menyeluruh bagi sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam; dan
- 5.1.1 (vi) : Memudahkan penetapan had urus niaga yang lebih tinggi melalui saluran elektronik.

Sebanyak 69 inisiatif selebihnya sedang dilaksanakan secara berterusan dalam bidang-bidang berikut:

- Menggalakkan pengantaraan yang berkesan dan cekap dalam sektor kewangan termasuk menyokong pembangunan industri pencen swasta yang dinamik;
- Memperluas rangkaian produk dan penyertaan dalam pasaran pertukaran asing dan pasaran wang melalui pengenalan instrumen baharu, langkah-langkah pertukaran asing yang memudahkan dan platform perdagangan yang diperluas;
- Mengukuhkan pengaturan institusi bagi penawaran perkhidmatan kewangan secara berkesan dan berterusan kepada kumpulan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan;
- Menyokong inisiatif untuk memajukan integrasi kewangan serantau dan penyerantauan dan pengantarabangsaan institusi kewangan Malaysia yang layak; dan
- Membangunkan Malaysia sebagai pusat rujukan urus niaga kewangan Islam dan untuk mengembangkan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam antarabangsa.

Pelaksanaan 86 inisiatif lain telah pun dimulakan dan kini berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan. Pada tahun 2013, fokus Bank tertumpu pada mempercepat perpindahan kepada pembayaran secara elektronik, termasuk mengkaji struktur penetapan harga bagi instrumen pembayaran. Untuk memastikan ketersediaan kumpulan tenaga mahir dalam jumlah yang besar dan berterusan bagi sektor kewangan, Majlis Tenaga Mahir Sektor Kewangan akan ditubuhkan untuk menyediakan khidmat nasihat dan hala tuju strategik inisiatif pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan. Pada masa yang sama, usaha akan terus dijalankan untuk memperkukuh sistem yang mantap, telus dan bertanggungjawab bagi pengawalan dan penyeliaan yang berkesan. Langkah ini akan melibatkan peningkatan ketelusan kriteria kesesuaian untuk kepentingan mengawal yang signifikan dalam institusi kewangan serta pengukuhan pengawasan penyeliaan terhadap syarikat pemegangan kewangan.